Operator Kanan Bengkel *Stamping* adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan pemilihan dan pengendalian bahan, menyediakan mesin *stamping*, memasang *die set*, mengendalikan mesin *stamping*, melaksanakan penyelenggaraan mesin, melaksanakan kawalan kualiti, menjalankan kerja-kerja pengemasan dan mengendalikan bahan buangan mengikut *Prosedur Pengoperasian Standard* (SOP).

#### **Operator Kanan Bengkel *Stamping* berkebolehan untuk:**

1. melakukan pemilihan bahan *stamping*;
2. memeriksa keadaan bahan sebelum dan selepas kerja *stamping*;
3. memasang *die* pada mesin *stamping*;
4. menetapkan parameter mesin *stamping*;
5. melakukan ujian pada mesin *stamping*;
6. melakukan pengemasan di stesen kerja;
7. menjalankan aktiviti kawalan kualiti; dan
8. mematuhi peraturan keselamatan dan kesihatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **STAMPING (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PENYELIA BENGKEL STAMPING\***

Penyelia Bengkel Stamping adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan pemilihan dan pengendalian bahan, menyediakan mesin *stamping*, memasang *die set*, mengendalikan mesin *stamping*, melaksanakan penyelenggaraan mesin, melaksanakan kawalan kualiti, menjalankan kerja-kerja pengemasan, melaksanakan fungsi-fungsi pentadbiran dan mengendalikan bahan buangan mengikut *Prosedur Pengoperasian Standard* (SOP).

#### **Penyelia Bengkel *Stamping* berkebolehan untuk:**

1. mengesahkan operasi *stamping* mengikut *Prosedur Pengoperasian Standard* (SOP);
2. menjalankan pemeriksaan kualiti rawak pada produk;
3. menguatkuasakan pengemasan di stesen kerja;
4. mengesahkan parameter mesin *stamping*;
5. melakukan fungsi pentadbiran; dan
6. melaksanakan peraturan keselamatan dan kesihatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **BENGKEL BADAN KENDERAAN (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 1**

#### **OPERATOR BENGKEL BADAN KENDERAAN PENUMPANG\***

Operator Bengkel Badan Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan pemeriksaan komponen, jig dan peralatan, aktiviti kimpalan bintik (gas dan arka) dan aktiviti pemasangan supaya badan putih boleh dihasilkan untuk proses selanjutnya.

#### **Operator Bengkel Badan Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. melakukan pemeriksaan peralatan;
2. melakukan sub-pemasangan;
3. melakukan pemasangan komponen hadapan;
4. melakukan pemasangan hadapan;
5. melakukan pemasangan lantai belakang;
6. melakukan pemasangan belakang dan panel;
7. melaksanakan pemasangan bawah badan;
8. melakukan pemasangan struktur sisi dan pemeriksaan sisi kiri dan kanan;
9. melakukan pemasangan badan utama; dan
10. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **BENGKEL BADAN KENDERAAN (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 2**

#### **OPERATOR KANAN BENGKEL BADAN KENDERAAN PENUMPANG\***

Operator Kanan Bengkel Badan Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan pemasangan, pembaikan, penggantian dan kerja-kerja pelengkap supaya badan putih tersedia untuk proses mengecat.

**Operator Kanan Bengkel Badan Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. melakukan pemasangan badan putih;
2. melakukan pembaikan ke atas pemasangan badan putih;
3. melakukan aktiviti penggantian komponen;
4. melakukan pemeriksaan sub-pemasangan;
5. melakukan pemeriksaan pemasangan bahagian hadapan;
6. melakukan pemeriksaan pemasangan rantai belakang;
7. melakukan pemeriksaan pemasangan belakang dan panel;
8. melakukan pemeriksaan pemasangan di bawah badan;
9. melakukan pemasangan struktur sisi dan pemeriksaan sisi kiri dan kanan; dan
10. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **BENGKEL BADAN KENDERAAN (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PENYELIA BENGKEL BADAN KENDERAAN PENUMPANG\***

Penyelia Bengkel Badan Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan pemasangan, pembaikan, penggantian dan kerja-kerja pelengkap supaya badan putih tersedia untuk proses mengecat.

#### **Penyelia Bengkel Badan Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. mentakrifkan dasar organisasi dan faktor-faktor lain yang mempunyai kesan kritikal di tempat kerja;
2. memantau dan menganalisis semua laporan kepuasan pelanggan dan memastikan tahap tertinggi penglibatan pelanggan;
3. membantu semua kakitangan dengan berkongsi pengetahuan teknikal;
4. memastikan bahawa semua kakitangan bersedia untuk melaksanakan semua pembaikan menurut standard pembuatan;
5. menyemak keupayaan tenaga kerja, proses, kemudahan dan peralatan bengkel badan untuk memastikan operasi yang cekap;
6. memantau bajet, kos dan perbelanjaan operasi;
7. memantau semua perbelanjaan modal;
8. membantu di dalam semua perkara yang berkaitan dengan sumber manusia; dan
9. melaksanakan peraturan keselamatan dan kesihatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal





## **TRIM & FINAL (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 1**

#### **OPERATOR TRIM & FINAL KENDERAAN PENUMPANG\***

Operator *Trim & Final* Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan sub-pemasangan asas, *trim fitment*, penetapan, pemeriksaan, pengedapan dan pewarnaan supaya semua komponen standard boleh dipasang pada kereta mengikut standard kualiti dan keperluan produk.

#### **Operator *Trim & Final* Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. menjalankan pemasangan weather strip pintu;
2. menjalankan pemasangan cermin pintu;
3. menjalankan pemasangan filem pelindung;
4. menjalankan pemasangan trim pintu;
5. menjalankan pemasangan bahagian *moulding*;
6. menjalankan pemasangan *brake booster*;
7. menjalankan pemasangan pedal klac;
8. menjalankan pemasangan set pedal;
9. menjalankan pemasangan batang stereng;
10. menjalankan pemasangan panel instrumen;
11. menjalankan pemasangan *head lining*;
12. menjalankan pemasangan *sun visor*;
13. menjalankan pemasangan cermin;
14. menjalankan pemasangan tali pinggang keselamatan;
15. menjalankan pemasangan *trim centre pillar*;
16. menjalankan pemasangan *harness*;
17. menjalankan pemasangan lampu;
18. menjalankan pemasangan antena radio;

19. menjalankan pemasangan radiator;
20. menjalankan pemasangan kelompok meter;
21. menjalankan pemasangan motor pengelap cermin;
22. menjalankan pemasangan *air blower*;
23. menjalankan pemasangan *steering column switch*;
24. menjalankan pemasangan penyerap hentakan;
25. menjalankan pemasangan bumper depan dan belakang;
26. menjalankan pemasangan *fuel filler neck*;
27. menjalankan pemasangan sistem paip;
28. menjalankan pemasangan tangki bahan api;
29. menjalankan pemasangan pelindung haba ekzos;
30. menjalankan pemasangan *catalytic converter*;
31. menjalankan pemasangan enjin dan sistem transmisi; menjalankan pemasangan rak stereng;
32. menjalankan pemasangan roda;
33. menjalankan pemasangan tuil gear;
34. menjalankan pemasangan tempat duduk hadapan/belakang;
35. menjalankan pemasangan aksesori *trim & final*; dan
36. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **TRIM & FINAL (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 2**

#### **OPERATOR KANAN *TRIM & FINAL* KENDERAAN PENUMPANG\***

Operator Kanan *Trim & Final* Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti pengujian, pembaikan, penggantian pendawaian dan penyelesaian masalah supaya kenderaan adalah bebas dari kecacatan *trim*, elektrik dan pengecatan.

#### **Operator Kanan *Trim & Final* Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. memantau aktiviti pemasangan *trim* pintu;
2. memantau pemasangan *trim* bahagian dalaman;
3. memantau aktiviti pemasangan bahagian *trim* elektrik;
4. memantau pemasangan *trim* bahagian luar;
5. memantau aktiviti pemasangan *trim* bahagian lantai;
6. menjalankan pemasangan brek tangan;
7. menjalankan pemasangan stereng;
8. memantau aktiviti pemasangan komponen akhir;
9. menjalankan sub-pemasangan cermin hadapan;
10. menjalankan sub-pemasangan cermin belakang;
11. menjalankan penjajaran roda hadapan/belakang;
12. menjalankan ujian *side slip*;
13. menjalankan ujian sistem brek;
14. menjalankan ujian prestasi;
15. menjalankan pelarasan lampu;
16. menjalankan ujian kebocoran air;
17. membetulkan kecacatan *trim* badan kenderaan;
18. membetulkan kecacatan elektrik kenderaan;
19. membetulkan kecacatan mekanikal kenderaan;

20. menjalankan pengesahan spesifikasi *fitting*;
21. menjalankan pemeriksaan bahagian *trim & final*; dan
22. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **TRIM & FINAL (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PENYELIA TRIM & FINAL KENDERAAN PENUMPANG\***

Penyelia *Trim & Final* Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti pengujian, pembaikan, penggantian pendawaian dan penyelesaian masalah supaya kenderaan adalah bebas dari kecacatan *trim* mekanikal, badan, elektrik dan pengecatan serta menjalankan fungsi penyeliaan.

#### **Penyelia *Trim & Final* Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. memeriksa kualiti pemasangan *trim* pintu;
2. memeriksa kualiti pemasangan *trim* bahagian dalaman badan;
3. memeriksa kualiti pemasangan *trim* bahagian elektrik;
4. memeriksa kualiti pemasangan *trim* bahagian luar;
5. memeriksa kualiti pemasangan *trim* bahagian bawah lantai;
6. memeriksa kualiti pemasangan *trim* dan bahagian-bahagian akhir;
7. mengesahkan kerja-kerja jaminan kualiti;
8. menjalankan taklimat keselamatan;
9. menyediakan cadangan penilaian;
10. menjalankan perancangan keperluan tenaga bawahan;
11. menyelaraskan pembangunan kakitangan;
12. menjalankan mesyuarat seksyen; dan
13. melaksanakan peraturan keselamatan dan kesihatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## PEMASANGAN ENJIN (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)

### TAHAP 1

#### OPERATOR PEMASANGAN ENJIN KENDERAAN PENUMPANG\*

Operator Pemasangan Enjin Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti sub-pemasangan asas, *fitment*, penetapan, pemeriksaan dan pengukuran supaya semua komponen-komponen standard boleh digunakan untuk pemasangan enjin mengikut keperluan standard kualiti dan produk.

**Operator Pemasangan Enjin Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. melakukan aktiviti sub-pemasangan;
2. melakukan pemasangan *main body online*;
3. melakukan pemasangan *front online*;
4. memasang alat sub pemasangan, seperti klip, *triggers*, *ejectors* dan *bolt* menggunakan peralatan tangan dan kuasa;
5. *screw*, *pin*, *bolt* dan rivet komponen-komponen untuk membentuk sub-pemasangan;
6. memeriksa sub-pemasangan bagi *nicks*, *burrs* dan kesan mesin serta mengesahkan ketepatan pemasangan menggunakan tolok;
7. membuang kecacatan dan meningkatkan *fit*, menggunakan *emery cloth* dan *hand file*; dan
8. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PEMASANGAN ENJIN (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 2**

#### **OPERATOR KANAN PEMASANGAN ENJIN KENDERAAN PENUMPANG\***

Operator Kanan Pemasangan Enjin Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti sub-pemasangan asas, *fitment*, penetapan, pemeriksaan dan pengukuran supaya semua komponen-komponen standard boleh digunakan untuk pemasangan enjin mengikut keperluan standard kualiti dan produk.

##### **Operator Kanan Pemasangan Enjin Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. meletakkan dan melaraskan komponen untuk pemasangan secara manual atau menggunakan mesin pengangkat;
2. membaca dan mentafsir pelan pemasangan dan manual spesifikasi dan merancang operasi pemasangan atau pembuatan;
3. membaiki dan menggantikan komponen atau pemasangan yang rosak;
4. memasang sistem gear dengan menjajarkan gear dalam kotak gear;
5. memasang paip, lekapan/pendawaian dan komponen elektrik untuk membentuk pemasangan atau sub-pemasangan, menggunakan alat-alat tangan, senapang rivet dan peralatan kimpalan;
6. membuang bintik kasar dengan melicinkan permukaan untuk membersihkan komponen menggunakan alat-alat tangan dan alat kuasa; dan
7. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PEMASANGAN ENJIN (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PENYELIA PEMASANGAN ENJIN KENDERAAN PENUMPANG\***

Penyelia Pemasangan Enjin Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk menyelia dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pekerja pengeluaran dan operasi seperti pemeriksaan, pekerja ketepatan, penetap dan operator mesin, pemasangn serta operator kilang dan sistem.

#### **Penyelia Pemasangan Enjin Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. menjalankan taklimat pengemasan dan prosedur keselamatan pagi;
2. memeriksa, mengendali dan menguji produk yang telah siap untuk mengesahkan ia boleh berfungsi dan mematuhi spesifikasi pelanggan;
3. menguatkuasakan peraturan-peraturan keselamatan dan sanitasi;
4. memeriksa bahan-bahan, produk atau peralatan untuk mengesan kecacatan atau kerosakan;
5. berbincang dengan penyelia yang lain untuk menyelaraskan operasi dan aktiviti-aktiviti di dalam atau di antara jabatan;
6. menjalankan latihan pekerja dalam operasi peralatan atau prosedur kerja dan keselamatan atau menyerahkan latihan pekerja kepada pekerja-pekerja yang berpengalaman;
7. menyelaraskan aktiviti-aktiviti pekerja yang terlibat dalam pengeluaran atau pemprosesan barangan seperti pemeriksaan, penetap mesin dan pemfabrikasi;
8. merancang dan mewujudkan jadual kerja, tugas dan urutan pengeluaran untuk memenuhi matlamat pengeluaran;
9. mendapatkan bahan yang diperlukan, bekalan, komponen peralatan atau perkhidmatan pembaikan;



10. memerhatikan kerja dan memantau tolok dan penunjuk lain untuk memastikan operator mematuhi standard pengeluaran atau pemprosesan;
11. mengesyorkan atau melaksanakan tindakan seperti pengambilan kakitangan, penilaian dan promosi;
12. mengemaskini data operasi seperti masa, pengeluaran dan rekod kos dan menyediakan laporan pengurusan hasil pengeluaran;
13. menentukan standard, bajet, matlamat pengeluaran dan kadar berdasarkan dasar syarikat, peralatan dan ketersediaan buruh dan bebanan kerja; dan
14. melaksanakan peraturan keselamatan dan kesihatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## PEMASANGAN TRANSMISI (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)

### TAHAP 1

#### OPERATOR PEMASANGAN TRANSMISI KENDERAAN PENUMPANG\*

Operator Pemasangan Transmisi Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan asas sub-pemasangan, *fitment*, tetapan, memeriksa dan mengukur supaya semua bahagian standard boleh digunakan untuk pemasangan transmisi mengikut keperluan standard kualiti dan produk.

##### **Operator Pemasangan Transmisi Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. melakukan aktiviti sub-pemasangan;
2. melakukan pemasangan *main body online*;
3. melakukan pemasangan *front online*;
4. memasang alat sub-pemasangan, seperti klip, *triggers*, *ejectors* dan *bolt* menggunakan peralatan tangan dan kuasa;
5. *screw*, *pin*, *bolt* dan rivet komponen-komponen untuk membentuk sub-pemasangan;
6. meluruskan komponen yang meleding menggunakan *bench* dan peralatan tangan;
7. memeriksa sub pemasangan bagi *nicks*, *burrs* dan kesan mesin serta mengesahkan ketepatan pemasangan menggunakan tolak;
8. membuang kecacatan dan meningkatkan fit, menggunakan *emery cloth* dan *hand file*; dan
9. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PEMASANGAN TRANSMISI (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 2**

#### **OPERATOR KANAN PEMASANGAN TRANSMISI KENDERAAN PENUMPANG\***

Operator Kanan Pemasangan Transmisi Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti sub-pemasangan asas, *fitment*, penetapan, pemeriksaan dan pengukuran supaya semua komponen-komponen standard boleh digunakan untuk pemasangan transmisi mengikut standard keperluan kualiti dan produk.

##### **Operator Kanan Pemasangan Transmisi Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. meletakkan dan melaraskan komponen untuk pemasangan secara manual atau menggunakan mesin pengangkat;
2. membaca dan mentafsir pelan pemasangan dan manual spesifikasi dan merancang operasi pemasangan atau pembuatan;
3. membaiki dan menggantikan komponen atau pemasangan yang rosak;
4. memasang sistem gear dengan menjajarkan gear dalam kotak gear;
5. memasang paip, lekapan/pendawaian dan komponen elektrik untuk membentuk pemasangan atau sub-pemasangan, menggunakan alat-alat tangan, senapang rivet dan peralatan kimpalan;
6. membuang bintik kasar dengan melicinkan permukaan untuk membersihkan bahagian menggunakan alat-alat tangan dan alat kuasa; dan
7. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PEMASANGAN TRANSMISI (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PENYELIA PEMASANGAN TRANSMISI KENDERAAN PENUMPANG\***

Penyelia Pemasangan Transmisi Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk menyelia dan menyelaras aktiviti-aktiviti pekerja pengeluaran dan operasi seperti pemeriksa, pekerja ketepatan, penetap dan operator mesin, pemasang, pemfabrikasi serta operator kilang dan sistem.

#### **Penyelia Pemasangan Transmisi Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. menjalankan taklimat pengemasan dan prosedur keselamatan pagi;
2. memeriksa, mengendali dan menguji produk yang telah siap untuk mengesahkan fungsi, keupayaan mesin dan pematuhan kepada spesifikasi pelanggan;
3. merancang dan mewujudkan jadual kerja, tugas dan urutan pengeluaran untuk memenuhi matlamat pengeluaran;
4. menyediakan dan menyesuaikan mesin dan peralatan;
5. mengemaskini data operasi seperti rekod masa, pengeluaran dan kos; dan
6. menyediakan laporan pengurusan mengenai hasil pengeluaran; dan
7. melaksanakan peraturan keselamatan dan kesihatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



**STAMPING/BENGKEL BADAN KENDERAAN/TRIM & FINAL/PEMASANGAN  
ENJIN/PEMASANGAN TRANSMISI  
(KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

**TAHAP 4**

**EKSEKUTIF PENGELUARAN KENDERAAN PENUMPANG\***

Eksekutif Pengeluaran Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk menyelia dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pekerja pengeluaran dan operasi seperti pemeriksaan, pekerja ketepatan, penetap dan operator mesin, pemasang serta pemfabrikasi.

**Eksekutif Pengeluaran Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. berbincang dengan pengurusan atau orang bawahan untuk menyelesaikan masalah pekerja, aduan atau rungutan;
2. berbincang dengan penyelia yang lain untuk menyelaraskan operasi dan aktiviti-aktiviti di dalam atau di antara jabatan;
3. membaca dan menganalisis carta, pesanan kerja, jadual pengeluaran dan lain-lain rekod dan laporan untuk menentukan keperluan pengeluaran dan menilai anggaran pengeluaran semasa;
4. mengesyorkan atau melaksanakan langkah-langkah untuk memotivasikan pekerja dan untuk memperbaiki kaedah pengeluaran, prestasi peralatan, kualiti produk atau kecekapan;
5. mengarah dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pekerja yang terlibat dalam pengeluaran atau pemprosesan barangan seperti pemeriksaan, penetap mesin dan pemfabrikasi;
6. merancang dan mewujudkan jadual kerja, tugas dan urutan pengeluaran untuk memenuhi matlamat pengeluaran; dan

7. mendapatkan bahan yang diperlukan, bekalan, komponen peralatan atau perkhidmatan pembaikan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



**STAMPING/BENGKEL BADAN KENDERAAN/TRIM & FINAL/PEMASANGAN  
ENJIN/PEMASANGAN TRANSMISI  
(KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

**TAHAP 5**

**PENGURUS PENGELUARAN KENDERAAN PENUMPANG\***

Pengurus Pengeluaran Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk merancang dan mengatur aktiviti-aktiviti pekerja pengeluaran dan operasi, seperti perancangan tenaga kerja, pembangunan kakitangan dan pengurusan aset dan kemudahan.

**Pengurus Pengeluaran Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. merancang, menyusun dan mengarah operasi pengeluaran yang memastikan pulangan yang paling berkesan ke atas aset;
2. merancang dan meminimumkan kos pengeluaran melalui penggunaan tenaga kerja, peralatan, kemudahan, bahan dan modal yang berkesan;
3. memastikan pencapaian objektif perniagaan dan jadual produksi manakala memastikan standard produk akan melebihi jangkaan pelanggan;
4. meningkatkan penggunaan tenaga kerja dalam jabatan dan proses sedia ada;
5. mengurus perbelanjaan berbanding bajet, mengawal perbelanjaan berhubung dengan perubahan dalam jumlah pengeluaran;
6. sentiasa memperbaiki rekod keselamatan dengan menangani isu-isu keselamatan fizikal dan sikap keselamatan pekerja serta mengekalkan dan meningkatkan pengemasan di dalam semua bidang;
7. mengekalkan dan meningkatkan kekemasan dalam di semua tempat; dan
8. mengekalkan kemahiran individu serta peka dengan konsep pengeluaran dan pengurusan pengeluaran terkini.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## BENGKEL MENGECAT

### TAHAP 1

#### OPERATOR BENGKEL MENGECAT\*

Operator Bengkel Mengecat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan kerja-kerja penyediaan dari logam asas kepada warna legap.

**Operator Bengkel Mengecat berkebolehan untuk:**

1. memunggah komponen-komponen yang belum dicat;
2. memeriksa keadaan komponen;
3. memunggah komponen yang telah dicat;
4. membungkus komponen yang telah dicat;
5. memperbaiki kecacatan utama;
6. menggunakan *tapping sticker*;
7. memperbaiki kecacatan yang kecil;
8. membersihkan komponen selepas menjalani proses pra-rawatan;
9. menyelenggara *spray booth*;
10. menyelenggara peralatan pra-rawatan; dan
11. mematuhi prosedur keselamatan dan kesihatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal





## BENGKEL MENGECAH

### TAHAP 2

#### OPERATOR KANAN BENGKEL MENGECAH\*

Operator Kanan Bengkel Mengecat adalah orang yang ditugaskan untuk mengenal pasti, membetulkan dan menjalankan pelbagai sistem pengecatan semburan dengan mematuhi langkah-langkah keselamatan dalam usaha untuk mencapai kerja yang berkualiti.

**Operator Kanan Bengkel Mengecat berkebolehan untuk:**

1. mencairkan campuran cat;
2. menjalankan persediaan pra-rawatan;
3. menetapkan mesin semburan automatik;
4. menjalankan *point age analysis* untuk *degreaser*;
5. menjalankan *point age analysis* untuk pembentukan permukaan;
6. menjalankan *point age analysis* untuk zink fosfat;
7. menjalankan *point age analysis* untuk *chromating*;
8. memeriksa kualiti komponen yang dicat;
9. menyembur *primer coat*;
10. menyembur *under coat*;
11. menyembur *finishing coat*;
12. menjalankan *cross-cut (adhesion) test*;
13. menyelenggara *spray gun*;
14. menyelenggara pam mengecat;
15. menyelenggara mesin automatik; dan
16. mematuhi prosedur keselamatan dan kesihatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



**BENGKEL MENGECAT**  
**TAHAP 3**  
**PENYELIA BENGKEL MENGECAT\***

Penyelia Bengkel Mengecat adalah orang yang ditugaskan untuk menyelia semua aktiviti pengecatan semburan dan melaksanakan fungsi penyeliaan.

**Penyelia Bengkel Mengecat berkebolehan untuk:**

1. menjalankan ujian impak;
2. menjalankan ukuran ketebalan cat;
3. menjalankan ujian semburan garam;
4. mengendalikan taklimat *organisation line structure*;
5. menyusun peruntukan tenaga kerja;
6. mengendalikan kaunseling keselamatan;
7. menjalankan penilaian prestasi kakitangan;
8. menjalankan aktiviti pengemasan;
9. menjalankan latihan semasa bekerja;
10. memperbaiki kecacatan semasa pemasangan;
11. menjalankan aktiviti penambahbaikan;
12. menjalankan taklimat prosedur keselamatan;
13. memantau kemajuan kerja;
14. menyediakan laporan mengenai peralatan yang rosak;
15. menyediakan laporan pengeluaran;
16. menyediakan laporan barang-barang yang dibeli; dan
17. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **BENGKEL MENGECAT**

### **TAHAP 4**

#### **EKSEKUTIF BENGKEL MENGECAT\***

Eksekutif Bengkel Mengecat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan pengurusan tenaga kerja, pembangunan kakitangan, menganjurkan dan menguruskan semua aktiviti-aktiviti pengecatan semburan.

##### **Eksekutif Bengkel Mengecat berkebolehan untuk:**

1. menjalankan taklimat pengemasan dan prosedur keselamatan pagi;
2. berbincang dengan pengurusan atau orang bawahan untuk menyelesaikan masalah pekerja, aduan atau rungutan;
3. menguatkuasakan peraturan-peraturan keselamatan dan sanitasi;
4. memeriksa bahan-bahan, produk atau peralatan untuk mengesan kecacatan atau kerosakan;
5. berbincang dengan penyelia yang lain untuk menyelaraskan operasi dan aktiviti-aktiviti di dalam atau di antara jabatan;
6. mengesyorkan atau melaksanakan langkah-langkah untuk memotivasikan pekerja dan untuk memperbaiki kaedah pengeluaran, prestasi peralatan, kualiti produk atau kecekapan;
7. mengarah dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pekerja yang terlibat dalam pengeluaran atau pemprosesan barangan seperti pemeriksaan, penetapan mesin dan pemfabrikasi;
8. merancang dan merangka jadual kerja, tugas dan turutan pengeluaran untuk memenuhi matlamat pengeluaran;
9. mendapatkan bahan yang diperlukan, bekalan, bahagian peralatan atau perkhidmatan pembaikan;
10. memantau kerja dan petunjuk lain untuk memastikan operator mematuhi piawaian pengeluaran atau pemprosesan; dan

11. mengesyorkan atau melaksanakan tindakan seperti pengambilan kakitangan, penilaian dan kenaikan pangkat.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



**BENGKEL MENGECAT**  
**TAHAP 5**  
**PENGURUS BENGKEL MENGECAT\***

Pengurus Bengkel Mengecat adalah orang yang ditugaskan untuk merancang dan mengatur aktiviti-aktiviti pekerja pengeluaran dan operasi, seperti perancangan bajet, pembangunan kakitangan dan pengurusan aset dan kemudahan.

**Pengurus Bengkel Mengecat berkebolehan untuk:**

1. merancang, menyusun dan mengarah operasi pengeluaran yang memastikan pulangan yang paling berkesan ke atas aset;
2. merancang dan meminimumkan kos pengeluaran melalui penggunaan tenaga kerja, peralatan, kemudahan, bahan dan modal yang berkesan;
3. memastikan pencapaian objektif perniagaan dan jadual produksi manakala memastikan standard produk akan melebihi jangkaan pelanggan;
4. mewujudkan kumpulan dan akauntabiliti individu di seluruh jabatan yang ditugaskan untuk menyelesaikan masalah dan pengurangan kos, secara tetap dan ad-hoc, bergantung kepada keperluan;
5. meningkatkan penggunaan tenaga kerja dalam jabatan dan proses sedia ada;
6. memastikan kestabilan yang membolehkan pulangan maksimum;
7. mengurus perbelanjaan berbanding bajet, mengawal perbelanjaan berhubung dengan perubahan dalam jumlah pengeluaran;
8. sentiasa memperbaiki rekod keselamatan dengan menangani isu-isu keselamatan fizikal dan sikap keselamatan pekerja. mengekalkan dan meningkatkan pengemasan di dalam semua bidang; dan

9. mengekalkan kemahiran individu, peka dengan pengeluaran terkini dan konsep pengurusan pengeluaran.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PENYELENGGARAAN KILANG (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 1**

#### **JURUTEKNIK PENYELENGGARAAN KILANG KENDERAAN PENUMPANG\***

Juruteknik Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti *bench work*, melaksanakan aktiviti pemasangan komponen, melaksanakan aktiviti pemasangan mesin dan peralatan, aktiviti penyelesaian masalah dan aktiviti membaikpulih.

**Juruteknik Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. menjalankan proses penggerudian dan rivet;
2. menjalankan proses *threading bending* dan pemotongan;
3. menjalankan pemasangan pemacu mekanikal dan pemasangan komponen;
4. menjalankan pemasangan sistem *blower* dan sedutan;
5. menjalankan pemasangan unit sistem motor;
6. menjalankan pemasangan sistem pam;
7. menjalankan pemasangan sistem penyejukan dan pemanasan;
8. menjalankan pemasangan sistem silinder;
9. menjalankan pemasangan *monitor board*;
10. menjalankan pemasangan sistem *Programmable Logic Control* (PLC);
11. menjalankan servis sistem *blower* dan sedutan;
12. menjalankan servis sistem motor;
13. menjalankan servis sistem unit pam;
14. menjalankan servis sistem penyejukan dan pemanasan; dan
15. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PENYELENGGARAAN KILANG (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 2**

#### **JURUTEKNIK KANAN PENYELENGGARAAN KILANG KENDERAAN**

#### **PENUMPANG\***

Juruteknik Kanan Penyelenggaraan Kilang Kendaraan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktivitas *bench work*, melaksanakan aktivitas pemasangan komponen, melaksanakan aktivitas pemasangan mesin dan peralatan, aktivitas penyelesaian masalah dan aktivitas membaikpulihan.

**Juruteknik Kanan Penyelenggaraan Kilang Kendaraan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. memantau aktiviti *bench work*;
2. mengesahkan aktiviti *bench work*;
3. memantau aktiviti pemasangan komponen;
4. memantau aktiviti pemasangan mesin dan peralatan;
5. membaiki kerosakan sistem *blower*;
6. membaiki kerosakan sistem sedutan;
7. membaiki kerosakan sistem motor;
8. membaiki kerosakan pam unit sistem;
9. membaiki kerosakan sistem penyejukan;
10. membaiki kerosakan sistem pemanasan;
11. menjalankan servis sistem silinder;
12. menjalankan servis sistem *monitor board*;
13. menjalankan servis sistem *Programmable Logic Control* (PLC);
14. memantau aktiviti servis mesin dan peralatan;
15. membaikpulihan sistem *blower*;
16. membaikpulihan sistem penyejukan;



17. membaikpulih sistem pemanasan; dan
18. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PENYELENGGARAAN KILANG (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PENYELIA PENYELENGGARAAN KILANG KENDERAAN PENUMPANG\***

Penyelia Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti *bench work*, melaksanakan aktiviti pemasangan komponen, melaksanakan aktiviti pemasangan mesin dan peralatan, aktiviti penyelesaian masalah, aktiviti servis, aktiviti membaikpulihan serta melaksanakan fungsi penyeliaan.

#### **Penyelia Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. mengesahkan aktiviti *bench work*;
2. memantau kerja-kerja pemasangan komponen;
3. mengesahkan aktiviti pemasangan komponen;
4. mengesahkan kerja-kerja pemasangan mesin dan peralatan;
5. membaiki kerosakan sistem silinder dan *monitor board*;
6. membaiki kerosakan sistem *Programmable Logic Control* (PLC);
7. mengesahkan kerja-kerja membaiki mesin dan peralatan;
8. menjalankan pembaikan sistem silinder dan *monitor board*;
9. menjalankan penyediaan jadual penyelenggaraan
10. menjalankan latihan kerja;
11. menjalankan taklimat kakitangan;
12. menyelaraskan aktiviti pemasangan dan pemeriksaan mesin;
13. menyelaraskan penyelenggaraan mesin; dan
14. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PENYELENGGARAAN KILANG (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 4**

#### **EKSEKUTIF PENYELENGGARAAN KILANG KENDERAAN PENUMPANG\***

Eksekutif Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk membangunkan dan mereka bentuk peningkatan fungsi mesin, melaksanakan pentauliahan mesin, menyusun jadual penyelenggaraan mesin dan melaksanakan aktiviti membaikpulih mesin.

#### **Eksekutif Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. menyediakan konsep reka bentuk mesin serta alternatif lain;
2. membangunkan reka bentuk mesin sebenar;
3. menghasilkan lukisan mesin;
4. menyediakan reka bentuk konseptual;
5. melakukan analisis keperluan dan kos;
6. mengubahsuai komponen-komponen mesin;
7. menentukan turutan proses pembuatan;
8. memperuntukkan sumber bagi proses pembuatan
9. menyediakan jadual proses pembuatan;
10. mereka jig dan lekapan;
11. mereka bahagian-bahagian mesin dan komponen;
12. melaksanakan proses *finishing* bagi mesin dan komponen;
13. menjalankan proses perolehan bahagian-bahagian mesin dan komponen;
14. melakukan ujian pada mesin; dan
15. mengesahkan spesifikasi mesin.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PENYELENGGARAAN KILANG (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 5**

#### **PENGURUS PENYELENGGARAAN KILANG KENDERAAN PENUMPANG\***

Pengurus Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk menghasilkan reka bentuk mesin, peningkatan fungsi mesin, pelan pembuatan bahagian-bahagian mesin, menguruskan pemasangan mesin dan proses ujian, melaksanakan pentauliahan mesin, menguruskan penyelenggaraan mesin, melaksanakan baikpulih pada mesin, menguruskan peruntukan kewangan dan menguruskan sumber manusia.

**Pengurus Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. membangunkan *Prosedur Pengoperasian Standard* (SOP) bagi operasi peralatan yang selamat;
2. menilai manual mesin;
3. menyediakan manual mesin;
4. menilai prestasi mesin selepas pengubahsuaian;
5. menyediakan analisis keperluan dan kos;
6. melakukan perancangan kapasiti;
7. memantau proses pengeluaran;
8. menguatkuasakan langkah-langkah yang berkualiti;
9. melakukan ujian *on-site* pada mesin;
10. menjalankan semakan bajet;
11. menyediakan perancangan tenaga kerja;
12. mengendalikan latihan untuk kakitangan dan pelanggan;
13. memotivasi kakitangan bawahan; dan
14. menjalankan penilaian prestasi kakitangan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **KAWALAN KUALITI (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 2**

#### **PEMERIKSA KAWALAN KUALITI KENDERAAN PENUMPANG\***

Pemeriksa Kawalan Kualiti Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti metrologi, melaksanakan kerja-kerja penentukuran, menilai sifat-sifat bahan, melaksanakan proses pembuatan, melakukan pemeriksaan produk serta melakukan ujian dan pemeriksaan.

##### **Pemeriksa Kawalan Kualiti Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. melakukan pemeriksaan komponen-komponen yang dibeli, sub-pemasangan atau produk siap mengikut kriteria yang ditakrifkan menggunakan standard ukuran fizikal, mekanikal dan/atau elektrik;
2. membuat semula sub-pemasangan atau produk siap seperti yang dikehendaki;
3. menjalankan audit proses dan sistem menggunakan prosedur bertulis sebagai piawaian audit;
4. mendokumentasi dengan tepat keputusan pemeriksaan dan ujian;
5. mengemaskini semua fail-dokumen penting dan rekod ujian dengan cara yang tepat dan kemas;
6. sentiasa menyemak *Prosedur Pengoperasian Standard* (SOP) bagi fungsi pemeriksaan;
7. membantu dalam menulis dan mengemaskini prosedur pemeriksaan, protokol dan senarai semak;
8. menilai masalah dan membuat cadangan awal untuk tindakan pembetulan;
9. bekerjasama dengan pengurusan pengeluaran dan jaminan kualiti untuk memberi maklum balas kepada pemasang mengenai ketepatan prosedur pemasangan; dan
10. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## KAWALAN KUALITI (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)

### TAHAP 3

#### PENGAWAL KUALITI KENDERAAN PENUMPANG\*

Pengawal Kualiti Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan pemeriksaan produk, menyelia dan menggalakkan aktiviti jaminan kualiti serta mengkaji prestasi kualiti terhadap dasar kualiti dan objektif.

**Pengawal Kualiti Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. menyelia dan membangunkan prestasi kerja berpasukan berkualiti;
2. menyediakan sokongan teknikal antara kejuruteraan, pengeluaran dan jabatan reka bentuk produk;
3. memulakan pasukan tindakan pembetulan dan bertanggungjawab untuk memantau dan melaksanakan tindakan pembetulan dan pencegahan;
4. mengekalkan dokumen pemeriksaan kualiti dan sistem yang menggunakan alat *Statistical Process Control* (SPC);
5. menggunakan kaedah dan proses menyelesaikan masalah pengeluaran secara praktikal untuk isu-isu kualiti utama yang timbul daripada pengukuran, pelan pengeluaran kawalan, isu-isu dimensi serta pemeriksaan kualiti seperti ujian kebocoran, ujian akhir, pemetaan kecacatan dan *functional audit/dynamometer non-conformances*;
6. menjadi pemudahcara di dalam mesyuarat antara jabatan termasuk operasi pembuatan, kawalan pengeluaran, kejuruteraan pembuatan (pakar sokongan teknikal) dan kewangan untuk menjamin kualiti produk; dan
7. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## KAWALAN KUALITI (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)

### TAHAP 4

#### EKSEKUTIF KAWALAN KUALITI KENDERAAN PENUMPANG\*

Eksekutif Kawalan Kualiti Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk mewujudkan sistem pengurusan kualiti dan menguatkuasakan aktiviti jaminan kualiti.

##### **Eksekutif Kawalan Kualiti Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. melakukan *root cause analysis*, penyiasatan kualiti dan statistik reka bentuk eksperimen untuk menentukan dan menyelesaikan isu-isu berkaitan kualiti;
2. meneliti semua reka bentuk, pembuatan, pembelian dan dokumentasi ujian untuk memastikan bahawa keperluan kualiti syarikat dan pelanggan dipenuhi pada semua produk, program dan fungsi;
3. mengkaji cadangan untuk program ujian baru, menggariskan keadaan ujian tertentu dan prosedur operasi yang dicadangkan;
4. meneliti manual kawalan kualiti dan spesifikasi produk dan pembekal bahan-bahan dan komponen; dan
5. mengkaji analisis keputusan ujian dan meluluskan keputusan "*menerima*" atau "*menolak*" dan cadangan untuk pengubahsuaian.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **KAWALAN KUALITI (KENDERAAN PENUMPANG - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 5**

#### **PENGURUS KAWALAN KUALITI KENDERAAN PENUMPANG\***

Pengurus Kawalan Kualiti Kenderaan Penumpang adalah orang yang ditugaskan untuk mewujudkan sistem pengurusan kualiti, mengurus dan mempromosi aktiviti jaminan kualiti dan mengkaji prestasi kualiti terhadap dasar kualiti dan objektif.

**Pengurus Kawalan Kualiti Kenderaan Penumpang berkebolehan untuk:**

1. merancang dan mengarahkan program kawalan kualiti yang direka untuk memastikan pengeluaran berterusan produk yang konsisten dengan piawaian yang ditetapkan;
2. membangunkan dan menganalisis data statistik dan spesifikasi produk untuk menentukan standard dan mewujudkan kualiti yang dicadangkan;
3. menggubal objektif kawalan kualiti melalui prosedur pengeluaran dengan kerjasama pengurus yang lain untuk memaksimumkan reliabiliti produk dan mengurangkan kos;
4. merancang, mempromosi dan menganjurkan aktiviti-aktiviti latihan yang berkaitan dengan kualiti dan reliabiliti produk;
5. menyiasat dan menyelesaikan aduan pelanggan mengenai kualiti;
6. meneliti manual kawalan kualiti dan spesifikasi produk dan pembekal bahan-bahan dan komponen; dan
7. memimpin dan membimbing proses operasi, pembelian, pemasaran/jualan dan unit kawalan kualiti untuk memastikan program dijalankan dengan betul sepanjang pembangunan produk dan proses pengeluaran.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal





**BENGKEL BADAN KENDERAAN (KENDERAAN KOMERSIL BERAT -  
PENGELUARAN)  
TAHAP 1  
OPERATOR BENGKEL BADAN KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Operator Bengkel Badan Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan pemeriksaan komponen, jig dan peralatan, aktiviti kimpalan bintik (gas dan arka) dan aktiviti pemasangan supaya badan putih boleh dihasilkan untuk proses selanjutnya.

**Operator Bengkel Badan Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. melakukan pemeriksaan peralatan;
2. melakukan sub-pemasangan;
3. melakukan pemasangan bahagian hadapan;
4. melakukan pemasangan lantai belakang;
5. melakukan pemasangan belakang dan panel;
6. melaksanakan pemasangan bawah badan;
7. melakukan pemasangan struktur sisi dan pemeriksaan sisi kiri dan kanan;
8. melakukan pemasangan badan utama; dan
9. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **BENGKEL BADAN KENDERAAN (KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 2**

#### **OPERATOR KANAN BENGKEL BADAN KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Operator Kanan Bengkel Badan Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan pemasangan, pembaikan, penggantian dan kerja-kerja pelengkap supaya badan putih tersedia untuk proses mengecat.

#### **Operator Kanan Bengkel Badan Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. melakukan pemasangan badan putih
2. melakukan pembaikan ke atas pemasangan badan putih;
3. melakukan aktiviti penggantian komponen;
4. melakukan pemeriksaan sub pemasangan;
5. melakukan pemeriksaan pemasangan bahagian hadapan;
6. melakukan pemeriksaan pemasangan rantai belakang;
7. melakukan pemeriksaan pemasangan belakang dan panel;
8. melakukan pemeriksaan pemasangan di bawah badan;
9. melakukan pemasangan struktur sisi dan pemeriksaan sisi kiri dan kanan; dan
10. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



**BENGKEL BADAN KENDERAAN**  
**(KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**  
**TAHAP 3**

**PENYELIA BENGKEL BADAN KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Penyelia Bengkel Badan Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan pemasangan, pembaikan, penggantian dan kerja-kerja pelengkap supaya badan putih tersedia untuk proses mengecat.

**Penyelia Bengkel Badan Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. memastikan pelaksanaan dan memelihara keutuhan semua piawaian dan garis panduan mengenai pengedar;
2. menakrifkan dasar organisasi dan faktor-faktor lain yang mempunyai kesan kritikal di tempat kerja;
3. mengekalkan dan mematuhi peraturan, polisi dan prosedur syarikat;
4. membantu semua kakitangan dengan berkongsi pengetahuan teknikal;
5. menyelia tenaga kerja, proses, kemudahan dan peralatan untuk memastikan operasi yang cekap;
6. memastikan latihan untuk semua juruteknik bahagian badan dan cat termasuk kakitangan barisan hadapan;
7. memantau bajet, kos dan perbelanjaan operasi;
8. memantau semua perbelanjaan modal;
9. membantu di dalam semua perkara yang berkaitan dengan sumber manusia; dan
10. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **BENGKEL MENGECAT (KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 1**

#### **OPERATOR BENGKEL MENGECAT KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Operator Bengkel Mengecat Kendaraan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan amalan keselamatan, menyelenggara peralatan, menggunakan peralatan pengukuran dan pengujian, melakukan *alkyd finishing(whole body)*, melakukan *alkyd finishing (repair work)*.

#### **Operator Bengkel Mengecat Kendaraan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. melakukan pemeriksaan harian untuk memastikan ciri-ciri keselamatan peralatan adalah berfungsi;
2. menentukan jenis substrat;
3. melaksanakan penyediaan permukaan;
4. melakukan kerja-kerja *sanding* dan *putty*;
5. melakukan kerja-kerja penyediaan *undercoat*;
6. menyediakan bahan pengecatan semburan;
7. mengecat komponen badan kenderaan seperti yang dikehendaki; dan
8. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **BENGKEL MENGECAT (KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 2**

#### **OPERATOR KANAN BENGKEL MENGECAT KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Operator Kanan Bengkel Mengecat Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan amalan keselamatan, menyelenggara peralatan, menggunakan peralatan pengukuran dan pengujian, meneliti warna semburan, pembetulan panel dan *heat lamp touch-up*, melaksanakan *whole body alkyd finishing*, melaksanakan *alkyd finishing repair work*, melaksanakan *whole body acrylic finishing*, melaksanakan *acrylic finishing repair work*, melaksanakan *2 pack (2K) finishing* serta melaksanakan *2 pack (2K) and finishing repair work*.

#### **Operator Kanan Bengkel Mengecat Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. melaksanakan kerja-kerja pembaikan di kawasan yang rosak;
2. melakukan proses lapisan *primer*;
3. melakukan process *moist sanding*;
4. melakukan proses padanan warna;
5. melakukan proses semburan *primer*;
6. melakukan semburan warna pada kenderaan lengkap;
7. melaksanakan penyediaan ketuhar; dan
8. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **BENGKEL MENGECAT (KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PENYELIA BENGKEL MENGECAT KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Penyelia Bengkel Mengecat Kendaraan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan amalan keselamatan, menyelenggara peralatan, menggunakan peralatan pengukuran dan pengujian, melaksanakan *whole body alkyd finishing*, melaksanakan *alkyd finishing repair work*, melaksanakan *whole body acrylic finishing*, melaksanakan *acrylic finishing repair work*, melaksanakan *2 pack (2K) finishing*, melaksanakan *2 pack (2K) and finishing repair work*, melaksanakan pengecatan semburan berasaskan air serta menyusun dan menyelia kerja pengecatan semburan.

#### **Penyelia Bengkel Mengecat Kendaraan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. mengesahkan alat pengukur adalah berfungsi;
2. memastikan peralatan adalah selamat, bersih dan berkeadaan baik;
3. melakukan pengecatan berasaskan air dan plastik;
4. melakukan semburan warna pada kenderaan lengkap;
5. menyediakan anggaran dan harga untuk kerja pengecatan;
6. menyediakan jadual kerja;
7. menjalankan demonstrasi kerja;
8. menyediakan laporan pengecatan;
9. menyediakan inventori bahan;
10. mengakses prestasi pekerja bawahan;
11. merancang pembangunan sistem bekerja;
12. melaksanakan kawalan kualiti;
13. melaksanakan penyelarasan aktiviti berkaitan; dan

14. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **TRIM & FINAL (KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 1**

#### **OPERATOR TRIM & FINAL KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Operator *Trim & Final* Kendaraan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktivitas pemasangan *trim* bahagian pintu, melaksanakan aktivitas pemasangan *trim* bahagian dalaman, melaksanakan aktivitas pemasangan *trim* bahagian elektrik, melaksanakan aktivitas pemasangan *trim* bahagian luar, melaksanakan aktivitas pemasangan *trim* bahagian bawah rantai dan melaksanakan aktivitas pemasangan bahagian akhir.

#### **Operator Trim & Final Kendaraan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. menjalankan pemasangan *weather strip* pintu;
2. menjalankan pemasangan cermin pintu;
3. menjalankan pemasangan filem pelindung;
4. menjalankan pemasangan trim pintu;
5. menjalankan pemasangan bahagian *moulding*;
6. menjalankan pemasangan *brake booster*;
7. menjalankan pemasangan pedal klac;
8. menjalankan pemasangan set pedal;
9. menjalankan pemasangan batang stereng;
10. menjalankan pemasangan panel instrumen;
11. menjalankan pemasangan *head lining*;
12. menjalankan pemasangan *sun visor*;
13. menjalankan pemasangan cermin;
14. menjalankan pemasangan tali pinggang keselamatan;
15. menjalankan pemasangan *trim centre pillar*;
16. menjalankan pemasangan *harness*;
17. menjalankan pemasangan lampu;



18. menjalankan pemasangan antena radio;
19. menjalankan pemasangan radiator;
20. menjalankan pemasangan kelompok meter;
21. menjalankan pemasangan motor pengelap cermin;
22. menjalankan pemasangan bumper depan dan belakang;
23. menjalankan pemasangan *steering column switch*;
24. menjalankan pemasangan penyerap hentakan;
25. menjalankan pemasangan *air blower*;
26. menjalankan pemasangan *fuel filler neck*;
27. menjalankan pemasangan sistem paip;
28. menjalankan pemasangan tangki bahan api;
29. menjalankan pemasangan pelindung haba ekzos;
30. menjalankan pemasangan *catalytic converter*;
31. menjalankan pemasangan enjin dan sistem transmisi;
32. menjalankan pemasangan rak stereng;
33. menjalankan pemasangan roda;
34. menjalankan pemasangan tuil gear;
35. menjalankan pemasangan tempat duduk hadapan/belakang;
36. menjalankan pemasangan aksesori trim & final; dan
37. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **TRIM & FINAL (KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 2**

#### **OPERATOR KANAN *TRIM & FINAL* KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Operator Kanan *Trim & Final* Kendaraan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pemasangan *trim* dalaman, pemasangan *trim* elektrik, pemasangan *trim* luar, pemasangan *trim* bawah lantai, pemasangan bahagian akhir dan melaksanakan aktiviti jaminan kualiti kenderaan.

**Operator Kanan *Trim & Final* Kendaraan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. memantau aktiviti pemasangan *trim* pintu;
2. memantau pemasangan *trim* bahagian dalaman;
3. memantau aktiviti pemasangan bahagian *trim* elektrik;
4. memantau pemasangan *trim* bahagian luar;
5. memantau aktiviti pemasangan *trim* bahagian lantai;
6. menjalankan pemasangan brek tangan;
7. menjalankan pemasangan stereng;
8. memantau aktiviti pemasangan komponen akhir;
9. menjalankan sub-pemasangan cermin hadapan;
10. menjalankan sub-pemasangan cermin belakang;
11. menjalankan penjajaran roda hadapan/belakang;
12. menjalankan ujian *side slip*;
13. menjalankan ujian sistem brek;
14. menjalankan ujian prestasi;
15. menjalankan pelarasan lampu;
16. menjalankan ujian kebocoran air;
17. membetulkan kecacatan *trim* badan kenderaan;
18. membetulkan kecacatan elektrik kenderaan;

19. membetulkan kecacatan mekanikal kenderaan;
20. menjalankan pengesahan spesifikasi *fitting*;
21. menjalankan pemeriksaan bahagian *trim & final*; dan
22. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **TRIM & FINAL (KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PENYELIA TRIM & FINAL KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Penyelia *Trim & Final* Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti pemasangan *trim*, melaksanakan aktiviti pemasangan *trim* bahagian dalaman, melaksanakan aktiviti pemasangan *trim* bahagian elektrik, melaksanakan aktiviti pemasangan *trim* bahagian luar, melaksanakan aktiviti pemasangan *trim* bahagian bawah lantai, melaksanakan aktiviti pemasangan bahagian akhir, melaksanakan aktiviti *tester line*, melaksanakan aktiviti pembetulan kenderaan yang telah siap, melaksanakan aktiviti jaminan kualiti dan melaksanakan fungsi penyeliaan.

#### **Penyelia *Trim & Final* Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. memeriksa kualiti pemasangan *trim* pintu;
2. memeriksa kualiti pemasangan *trim* bahagian dalaman;
3. memeriksa kualiti pemasangan *trim* bahagian elektrik;
4. memeriksa kualiti pemasangan *trim* bahagian luar;
5. memeriksa kualiti pemasangan *trim* bahagian bawah lantai;
6. memeriksa kualiti pemasangan *trim* dan bahagian akhir;
7. memeriksa proses jaminan kualiti;
8. menjalankan taklimat keselamatan;
9. menyediakan syor penilaian;
10. menjalankan perancangan keperluan tenaga bawahan;
11. menyelaraskan program pembangunan kakitangan;
12. menjalankan mesyuarat seksyen; dan
13. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



**BENGKEL BADAN KENDERAAN/BENGKEL MENGECAIT/TRIM & FINAL  
(KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**

**TAHAP 4**

**EKSEKUTIF PENGELUARAN KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Eksekutif Pengeluaran Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk memantau aktiviti pekerja pengeluaran dan operasi seperti pemeriksa, pekerja ketepatan, penetap dan operator mesin serta pemasang dan pemfabrikasi.

**Eksekutif Pengeluaran Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. menjalankan taklimat pengemasan dan prosedur keselamatan pagi;
2. berbincang dengan pengurusan atau orang bawahan untuk menyelesaikan masalah pekerja, aduan atau rungutan;
3. memeriksa bahan-bahan, produk atau peralatan untuk mengesan kecacatan atau kerosakan;
4. berbincang dengan penyelia yang lain untuk menyelaraskan operasi dan aktiviti-aktiviti di dalam atau di antara jabatan;
5. mengesyorkan atau melaksanakan langkah-langkah untuk memotivasikan pekerja dan untuk memperbaiki kaedah pengeluaran, prestasi peralatan, kualiti produk atau kecekapan;
6. mengarah dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pekerja yang terlibat dalam pengeluaran atau pemprosesan barangan seperti pemeriksa, penetap mesin dan pemfabrikasi;
7. mendapatkan bahan yang diperlukan, bekalan, komponen peralatan atau perkhidmatan pembaikan; dan
8. mengesyorkan atau melaksanakan tindakan seperti pengambilan kakitangan, penilaian dan kenaikan pangkat.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



**BENGKEL BADAN KENDERAAN/BENGKEL MENGECAT/TRIM & FINAL  
(KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**

**TAHAP 5**

**PENGURUS PENGELUARAN KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Pengurus Pengeluaran Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk merancang dan mengatur aktiviti pekerja pengeluaran dan operasi, pembangunan kakitangan, perancangan tenaga kerja serta pengurusan aset dan kemudahan.

**Pengurus Pengeluaran Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. merancang, menyusun dan mengarah operasi pengeluaran yang memastikan pulangan yang paling berkesan ke atas aset;
2. merancang dan meminimumkan kos pengeluaran melalui penggunaan tenaga kerja, peralatan, kemudahan, bahan dan modal yang berkesan;
3. memastikan pencapaian objektif perniagaan dan jadual produksi manakala memastikan standard produk akan melebihi jangkaan pelanggan;
4. mewujudkan kumpulan dan akauntabiliti individu di seluruh jabatan yang ditugaskan untuk menyelesaikan masalah dan pengurangan kos, secara tetap dan ad-hoc, bergantung kepada keperluan;
5. meningkatkan penggunaan tenaga manusia dalam jabatan dan proses sedia ada;
6. mewujudkan kestabilan yang membolehkan pulangan maksimum;
7. mengurus perbelanjaan berbanding bajet, mengawal perbelanjaan berhubung dengan perubahan dalam jumlah pengeluaran; dan
8. sentiasa memperbaiki rekod keselamatan dengan menangani isu-isu keselamatan fizikal dan sikap keselamatan pekerja.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **KAWALAN KUALITI (KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 2**

#### **PEMERIKSA KAWALAN KUALITI KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Pemeriksa Kawalan Kualiti Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan pemeriksaan produk dan melaksanakan aktiviti jaminan kualiti.

##### **Pemeriksa Kawalan Kualiti Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. melakukan pemeriksaan komponen-komponen yang dibeli, sub-pemasangan atau produk siap mengikut kriteria yang ditakrifkan menggunakan standard ukuran fizikal, mekanikal dan/atau elektrik;
2. membuat semula atau menolak sub-pemasangan atau produk siap seperti yang dikehendaki;
3. menjalankan audit proses dan sistem menggunakan prosedur bertulis sebagai piawaian audit;
4. mendokumentasi keputusan pemeriksaan dan ujian dengan tepat;
5. mengekalkan semua fail-fail dokumen penting dan rekod ujian dengan cara yang tepat dan kemas;
6. menyertai dalam pembinaan dan/atau penyemakan Prosedur Pengoperasian Standard (SOP) bagi fungsi pemeriksaan;
7. membantu dalam menulis dan mengemaskini prosedur pemeriksaan, protokol dan senarai semak;
8. menilai masalah dan membuat cadangan awal untuk tindakan mungkin pembetulan;
9. bekerjasama dengan pengurusan pengeluaran dan jaminan kualiti untuk memberi maklum balas kepada pemasang mengenai ketepatan prosedur pemasangan; dan
10. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **KAWALAN KUALITI (KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PENGAWAL KUALITI KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Pengawal Kualiti Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan pemeriksaan produk, menyelia aktiviti jaminan kualiti dan mengkaji prestasi kualiti terhadap dasar kualiti dan objektif.

**Pengawal Kualiti Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. menyelia dan membangunkan prestasi kerja berpasukan yang berkualiti;
2. menyediakan sokongan teknikal antara kejuruteraan, pengeluaran dan jabatan reka bentuk produk;
3. memulakan pasukan tindakan pembetulan dan bertanggungjawab untuk memantau dan melaksanakan tindakan pembetulan dan pencegahan;
4. mengekalkan dokumen pemeriksaan kualiti dan sistem yang menggunakan alat *Statistical Process Control (SPC)*;
5. menggunakan kaedah dan proses menyelesaikan masalah pengeluaran secara praktikal untuk isu-isu kualiti utama yang timbul daripada pengukuran, pelan pengeluaran kawalan, isu-isu dimensi serta pemeriksaan kualiti seperti ujian kebocoran, ujian akhir, pemetaan kecacatan dan *functional audit/dynamometer non-conformances*;
6. menjadi pemudahcara di dalam mesyuarat antara jabatan termasuk operasi pembuatan, kawalan pengeluaran, kejuruteraan pembuatan (pakar sokongan teknikal) dan kewangan untuk menjamin kualiti produk; dan
7. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal





## KAWALAN KUALITI (KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)

### TAHAP 4

#### EKSEKUTIF KAWALAN KUALITI KENDERAAN KOMERSIL BERAT\*

Eksekutif Kawalan Kualiti Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk memantau sistem pengurusan kualiti, menganjurkan dan mempromosi aktiviti jaminan kualiti serta mengkaji prestasi kualiti terhadap dasar kualiti dan objektif.

##### **Eksekutif Kawalan Kualiti Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. melakukan *root cause analysis*, penyiasatan kualiti dan statistik reka bentuk eksperimen untuk menentukan dan menyelesaikan isu-isu berkaitan kualiti;
2. mengenalpasti dan menguruskan proses penambahbaikan yang berterusan dalam usaha untuk memenuhi matlamat syarikat dan kepuasan pelanggan;
3. meneliti semua reka bentuk, pembuatan, pembelian dan dokumentasi ujian untuk memastikan bahawa keperluan kualiti syarikat dan pelanggan dipenuhi pada semua produk, program dan fungsi;
4. mengkaji cadangan untuk program ujian baru, menggariskan keadaan ujian tertentu dan prosedur operasi yang dicadangkan;
5. mengukur #4 terhadap keperluan pelanggan dan spesifikasi;
6. meneliti manual kawalan kualiti dan spesifikasi produk dan pembekal bahan-bahan dan komponen; dan
7. mengkaji analisis keputusan ujian dan meluluskan keputusan "*menerima*" atau "*menolak*" dan cadangan untuk pengubahsuaian.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **KAWALAN KUALITI (KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 5**

#### **PENGURUS KAWALAN KUALITI KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Pengurus Kawalan Kualiti Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk merancang dan mengurus sistem pengurusan kualiti, mengurus dan mempromosi aktiviti jaminan kualiti dan mengkaji prestasi kualiti terhadap dasar kualiti dan objektif.

##### **Pengurus Kawalan Kualiti Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. mengkaji analisis keputusan ujian dan meluluskan keputusan "*menerima*" atau "*menolak*" dan cadangan untuk pengubahsuaian;
2. merancang dan mengarahkan kawalan kualiti program yang direka untuk memastikan pengeluaran berterusan produk yang konsisten dengan piawaian yang ditetapkan;
3. membangunkan dan menganalisa data statistik dan spesifikasi produk untuk menentukan standard dan mewujudkan kualiti yang dicadangkan;
4. menggubal objektif kawalan kualiti melalui prosedur pengeluaran dalam kerjasama dengan pengurus kilang lain untuk memaksimumkan reliabiliti produk dan mengurangkan kos;
5. merancang, mempromosi dan menganjurkan aktiviti-aktiviti latihan yang berkaitan dengan kualiti dan reliabiliti produk;
6. menyiasat dan menyelesaikan aduan pelanggan mengenai kualiti; dan
7. membangunkan dan melaksanakan inisiatif kualiti, projek-projek penambahbaikan yang berterusan serta dasar dan prosedur am kerana ia berkaitan dengan persekitaran pembuatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PENYELENGGARAAN KILANG (KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 1**

#### **JURUTEKNIK PENYELENGGARAAN KILANG KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Juruteknik Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti *bench work*, melaksanakan aktiviti pemasangan komponen, melaksanakan aktiviti pemasangan mesin dan peralatan, aktiviti penyelesaian masalah dan aktiviti membaikpulih.

**Juruteknik Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. menjalankan proses penggerudian, rivet dan *threading*;
2. menjalankan proses *bending* dan pemotongan;
3. menjalankan pemasangan pemacu mekanikal;
4. menjalankan proses penyambungan;
5. menjalankan pemasangan komponen;
6. menjalankan pemasangan sistem *blower* dan sedutan;
7. menjalankan pemasangan unit sistem motor dan pam;
8. menjalankan pemasangan sistem penyejukan dan pemanasan;
9. menjalankan pemasangan sistem silinder dan *monitor board*;
10. menjalankan pemasangan sistem *Programmable Logic Control* (PLC);
11. menjalankan servis sistem *blower* dan motor;
12. menjalankan servis sistem unit pam;
13. menjalankan servis sistem penyejukan dan pemanasan; dan
14. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



**PENYELENGGARAAN KILANG (KENDERAAN KOMERSIL BERAT -  
PENGELUARAN)  
TAHAP 2  
JURUTEKNIK KANAN PENYELENGGARAAN KILANG KENDERAAN KOMERSIL  
BERAT\***

Juruteknik Kanan Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti *bench work*, pemasangan komponen, pemasangan mesin dan peralatan serta aktiviti membaikpulih.

**Juruteknik Kanan Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. memantau aktiviti *bench work*;
2. mengesahkan aktiviti *bench work*;
3. memantau aktiviti pemasangan komponen;
4. memantau aktiviti pemasangan mesin dan peralatan;
5. membaiki kepincangan sistem blower dan sedutan;
6. membaiki kerosakan sistem unit motor dan pam;
7. membaiki kerosakan sistem penyejukan dan pemanasan;
8. menjalankan servis sistem silinder;
9. menjalankan servis sistem *monitor board*;
10. menjalankan servis sistem *Programmable Logic Control (PLC)*;
11. memantau aktiviti servis mesin dan peralatan;
12. menjalankan pembaikan sistem penyejukan dan pemanasan; dan
13. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PENYELENGGARAAN KILANG (KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PENYELIA PENYELENGGARAAN KILANG KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Penyelia Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti *bench work*, melaksanakan aktiviti pemasangan komponen, pemasangan mesin dan peralatan, aktiviti membaikpulih dan melaksanakan fungsi penyeliaan.

#### **Penyelia Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. mengesahkan aktiviti *bench work*;
2. memantau kerja-kerja pemasangan komponen;
3. mengesahkan kerja-kerja pemasangan komponen;
4. mengesahkan kerja-kerja pemasangan mesin dan peralatan;
5. membaiki kerosakan sistem silinder;
6. membaiki kerosakan sistem *monitor board*;
7. membaiki kepingangan sistem *Programmable Logic Control* (PLC);
8. mengesahkan kerja-kerja membaiki mesin dan peralatan;
9. menjalankan pembaikan sistem silinder dan *monitor board*;
10. menjalankan pembaikan sistem *Programmable Logic Control* (PLC);
11. mengesahkan kerja-kerja membaik pulih mesin dan peralatan;
12. menjalankan perancangan keperluan tenaga bawahan;
13. menjalankan penyediaan jadual kerja;
14. menjalankan penyediaan jadual penyelenggaraan;
15. menyelaraskan aktiviti pemasangan dan pemeriksaan mesin;
16. menyelaraskan penyelenggaraan mesin; dan

17. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PENYELENGGARAAN KILANG (KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**

### **TAHAP 4**

#### **EKSEKUTIF PENYELENGGARAAN KILANG KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Eksekutif Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk memantau proses pemasangan dan ujian mesin, melaksanakan pentauliahan mesin, memantau penyelenggaraan mesin dan melaksanakan kerja pembaikan pada mesin.

#### **Eksekutif Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. menyediakan konsep reka bentuk mesin;
2. membangunkan reka bentuk mesin sebenar;
3. menghasilkan lukisan mesin;
4. menyediakan reka bentuk konseptual;
5. melakukan analisis keperluan dan kos;
6. mengubahsuai komponen-komponen mesin;
7. menentukan turutan proses pembuatan;
8. memperuntukkan sumber pembuatan;
9. menyediakan jadual proses pembuatan;
10. membuat jig dan lekapan;
11. membuat bahagian-bahagian mesin dan komponen;
12. melakukan proses akhir mesin dan komponen;
13. menjalankan proses perolehan bahagian-bahagian mesin dan komponen;
14. membangunkan prototaip bagi komponen kritikal dan peningkatan fungsi mesin; dan
15. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



**PENYELENGGARAAN KILANG**  
**(KENDERAAN KOMERSIL BERAT - PENGELUARAN)**  
**TAHAP 5**

**PENGURUS PENYELENGGARAAN KILANG KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Pengurus Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk menghasilkan reka bentuk dan pelan komponen-komponen mesin, menguruskan pemasangan mesin dan proses ujian, melaksanakan pentauliahan mesin, mengurus penyelenggaraan mesin, melaksanakan pembaikan mesin, mengurus peruntukan kewangan dan sumber manusia.

**Pengurus Penyelenggaraan Kilang Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. membangunkan *Prosedur Pengoperasian Standard* (SOP) bagi operasi peralatan yang selamat;
2. menilai manual mesin;
3. menyediakan manual mesin;
4. menilai prestasi mesin selepas pengubahsuaian;
5. menyediakan analisis keperluan dan kos;
6. melakukan perancangan kapasiti;
7. memantau proses pengeluaran;
8. menguatkuasakan langkah-langkah berkenaan kualiti;
9. melakukan ujian *on-site* pada mesin;
10. melakukan semakan bajet;
11. menyediakan perancangan tenaga kerja;
12. mengendalikan latihan untuk kakitangan dan pelanggan;
13. memotivasi kakitangan bawahan; dan
14. menjalankan penilaian prestasi kakitangan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal





## **LOGISTIK (PENGELUARAN)**

### **TAHAP 1**

#### **PENJAGA STOR RENDAH\***

Penjaga Stor Rendah adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan kawalan inventori gudang, melaksanakan pengendalian pengedaran barangan masuk dan melaksanakan pengendalian pengedaran barangan keluar.

**Penjaga Stor Rendah berkebolehan untuk:**

1. menyimpan dan mengeluarkan barangan atau peralatan;
2. menyusun rekod barangan;
3. merekodkan bilangan dan jenis barangan;
4. menghantar barangan ke tempat yang ditetapkan;
5. mengira, menimbang dan mengukur barangan yang diterima atau dikeluarkan;
6. memungkah barang-barang yang masuk dan membalut dan barang-barang yang keluar;
7. mengendalikan peralatan tangan seperti trak tangan untuk mengangkut stok;
8. menggunakan kenderaan motor, forklift atau peralatan pengendalian lain untuk memudahkan pergerakan bahan-bahan;
9. menjalankan inventori fizikal semasa mengira stok; dan
10. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **LOGISTIK (PENGELUARAN)**

### **TAHAP 2**

#### **PENJAGA STOR\***

Penjaga Stor adalah orang yang ditugaskan untuk menerima dan memeriksa semua barangan yang masuk, memproses dan mengedarkan dokumentasi berkaitan pesanan pembelian serta melaporkan dan mendokumentasi kerosakan dan percanggahan pada pesanan yang diterima.

#### **Penjaga Stor berkebolehan untuk:**

1. menerima dan memeriksa semua barangan yang masuk dan arif tentang pesanan pembelian, memproses dan mengedarkan dokumentasi berkaitan pesanan pembelian serta melaporkan dan mendokumentasi kerosakan dan percanggahan pada pesanan yang diterima;
2. menerima dan menyimpan dokumen dan fail sulit serta mengekalkan rekod dokumen yang diluluskan dan pemusnahan fail sulit;
3. memastikan sistem *First In First Out* (FIFO) diikuti;
4. memastikan persekitaran stor dalam keadaan selamat dan bersih;
5. memastikan semua barangan di stor disusun betul;
6. memantau stok bahan pembungkusan; dan
7. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **LOGISTIK (PENGELUARAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PENGAWAL LOGISTIK PENGELUARAN\***

Pengawal Logistik Pengeluaran adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan penerimaan stok, pemeriksaan stok, penyimpanan barangan, pengambilan stok, pelupusan stok dan arif tentang pesanan pembelian. Pengawal Logistik Pengeluaran juga ditugaskan untuk memproses dan mengedarkan dokumentasi berkaitan pesanan pembelian serta melaporkan dan mendokumentasi kerosakan dan percanggahan pada pesanan yang diterima serta menjalankan fungsi penyeliaan.

#### **Pengawal Logistik Pengeluaran berkebolehan untuk:**

1. menyediakan, melaksanakan dan menyelesaikan semua pesanan jualan serta memastikan ketepatan semua dokumen produk yang keluar;
2. menyediakan semua produk yang keluar, memastikan pemilihan inventori yang tepat, memastikan pembungkusan dan pelabelan produk yang betul serta pembungkusan dan pelabelan penghantaran yang betul;
3. menerima semua produk masuk serta memastikan penyampaian dan penyimpanan yang betul;
4. berkomunikasi dengan pihak pembuatan untuk menyelesaikan perbezaan /percanggahan pengeluaran; dan
5. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **LOGISTIK (PENGELUARAN)**

### **TAHAP 4**

#### **EKSEKUTIF LOGISTIK PENGELUARAN\***

Eksekutif Logistik Pengeluaran adalah orang yang ditugaskan untuk mengurus inventori gudang, pengedaran barangan masuk dan keluar, mengendalikan perolehan peralatan gudang dan mengurus keselamatan gudang.

##### **Eksekutif Logistik Pengeluaran berkebolehan untuk:**

1. menyemak dan mengesahkan rekod perkapalan, mengendalikan hal-hal perkapalan dan mengatasi masalah dengan kawalan inventori;
2. memastikan pematuhan kepada peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan serta keselamatan peribadi dan inventori;
3. menyertai pasukan pengurusan divisyen dan memberi sokongan kepada divisyen;
4. membangunkan dan mengekalkan satu pasukan kerja yang produktif melalui latihan dan pembangunan kerjaya;
5. menggalakkan budaya korporat yang kukuh serta pasukan kerja berprestasi tinggi dan berkualiti;
6. menggalakkan penambahbaikan yang berterusan termasuk semakan strategik untuk fungsi berkaitan dengan gudang menggunakan proses kualiti dan penyertaan dalam dan pasukan kerja berprestasi; dan
7. menyediakan kepimpinan keselamatan gudang dan bertanggungjawab untuk prestasi keselamatan yang lebih baik.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **LOGISTIK (PENGELUARAN)**

### **TAHAP 5**

#### **PENGURUS LOGISTIK PENGELUARAN\***

Pengurus Logistik Pengeluaran adalah orang yang ditugaskan untuk mengurus operasi gudang, melakukan pembangunan perniagaan gudang, mengurus operasi kewangan gudang dan mengurus pembangunan dan pelaksanaan dasar gudang.

##### **Pengurus Logistik Pengeluaran berkebolehan untuk:**

1. memantau kualiti, kuantiti, kos dan kecekapan pergerakan dan penyimpanan barangan;
2. berhubung dan berunding dengan pelanggan dan pembekal;
3. membangunkan perniagaan dengan mendapatkan kontrak baru, menganalisis masalah logistik dan menghasilkan penyelesaian baru;
4. menyelaraskan pelaksanaan pergudangan untuk strategi bahagian, membangunkan keperluan pergudangan tertentu berdasarkan pelan strategik dan jangkaan pelanggan serta menghasilkan penyelesaian gudang yang sesuai yang menggabungkan amalan logistik terbaik;
5. memberi arahnya untuk sistem penambahbaikan dan perubahan kepada keperluan operasi;
6. menyelia operasi harian gudang barangan siap dan bahan mentah;
7. mengarahkan operasi pasukan gudang untuk mencapai objektif;
8. memastikan bahawa polisi, peraturan dan prosedur dipatuhi;
9. membangunkan prosedur dan petunjuk prestasi utama untuk memantau ukuran kualiti dan menentukan keberkesanan prosedur yang dilaksanakan;
10. memenuhi atau melebihi matlamat dan penghantaran prestasi ketepatan penghantaran kepada pelanggan;

11. menyelia aktiviti pergudangan untuk memastikan proses dan prosedur difahami dan diikuti serta menyelia pematuhan gudang untuk pengurusan inventori, pengiraan kitaran, pengendalian produk dan perkhidmatan lain seperti yang dikehendaki; dan
12. membentuk *leadership team* dan menyediakan pengawasan harian untuk semua keperluan operasi untuk kakitangan operasi gudang; memimpin dan membentuk *hourly workforce teams* dalam persekitaran kesatuan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal

**SUB-SEKTOR: SELEPAS JUALAN**



## **SERVIS (MOTOSIKAL – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 1**

#### **JURUTEKNIK SERVIS MOTOSIKAL\***

Juruteknik Servis Motosikal adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti servis sistem bahan api, servis sistem induksi udara dan ekzos, pembaikan enjin, pembaikan sistem elektrik, pembaikan sistem elektronik, pembaikan *drivetrain* manual, pembaikan transmisi automatik, pembaikan sistem brek, pembaikan sistem stereng dan pembaikan sistem suspensi.

#### **Juruteknik Servis Motosikal berkebolehan untuk:**

1. menguji putaran roda bebas (depan dan belakang);
2. menggantikan galas roda depan;
3. menggantikan galas roda belakang;
4. menggantikan tayar bertiub dan tanpa tiub;
5. menggantikan *drive chain*, *drive belt* dan *sprockets*;
6. menggantikan *real absorber*;
7. membaikpulih *swing arm*;
8. mengisi semula *coolant*;
9. melaraskan *steering freeplay*;
10. membaikpulih tangki bahan api;
11. memeriksa keadaan bateri;
12. memeriksa mampatan enjin;
13. melakukan *engine top overhaul* (4 lejang);
14. membaikpulih penapis udara;
15. menggantikan minyak enjin dan penapis minyak;
16. menggantikan *body cowling* atau *covers*;
17. melaraskan *drive chain freeplay*;



18. menggantikan kabel *speedometer* dan *tachometer*;
19. menggantikan klac dan kabel brek;
20. menggantikan palam pencucuh;
21. membaikpuli karburetor; dan
22. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **SERVIS (MOTOSIKAL – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 2**

#### **JURUTEKNIK MOTOSIKAL\***

Juruteknik Motosikal adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti melakukan penukaran tayar, servis sistem brek, memeriksa sistem pemacu, membaiki sistem suspensi, servis sistem penyejukan, servis sistem stereng, membaiki sistem elektrik dan pencucuhan, membaikpulih enjin serta melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan menggunakan manual pengeluaran dan peralatan tangan.

#### **Juruteknik Motosikal berkebolehan untuk:**

1. menggantikan jejari roda;
2. melakukan pengimbangan roda;
3. menggantikan cecair brek;
4. membaikpulih dan memeriksa cakera brek/*brake drum*;
5. menggantikan hos/kabel brek dan pemasangan *v-belt drive*;
6. membaikpulih *front fork* dan radiator;
7. membaiki sistem suspensi;
8. memeriksa penutup radiator dan termostat;
9. menggantikan pemasangan *race ball*;
10. memeriksa sistem pelinciran;
11. menanggalkan enjin dari motosikal;
12. melakukan *engine top overhaul* (4 lejang);
13. menggantikan *timing chain*;
14. memeriksa *crankshaft* dan pemasangan omboh;
15. menggantikan *crank bearings* dan kedap minyak;
16. memeriksa mekanisme gear dan transmisi gear;
17. memasang enjin pada motosikal;

18. melaraskan *clutch freeplay*;
19. melaraskan *autolube pump* (2 lejang);
20. melaraskan kelegaan injap;
21. menggantikan bingkai lengkap;
22. mematuhi peraturan keselamatan; dan
23. melakukan ujian jalanraya.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **SERVIS (MOTOSIKAL – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PENYELIA SERVIS MOTOSIKAL\***

Penyelia Servis Motosikal adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti servis sistem bahan api, servis sistem induksi udara dan ekzos, pembaikan enjin, pembaikan sistem elektrik, pembaikan sistem elektronik, pembaikan *drivetrain* manual, pembaikan transmisi automatik, pembaikan sistem brek, pembaikan sistem stereng, pembaikan sistem suspensi serta menjalankan fungsi penyeliaan.

#### **Penyelia Servis Motosikal berkebolehan untuk:**

1. membaiki sistem pacuan;
2. membaiki sistem penyejukan;
3. membaiki sistem stereng;
4. membaiki sistem pencucuhan;
5. membaiki sistem enjin;
6. menilai bingkai lengkap;
7. melaraskan kelegaan injap (jenis *shim*);
8. menjalankan taklimat keselamatan;
9. menyelaraskan pembangunan kakitangan;
10. menjalankan latihan kerja;
11. memantau kemajuan kerja; dan
12. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **SERVIS (MOTOSIKAL – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 4**

#### **EKSEKUTIF SELEPAS JUALAN MOTOSIKAL\***

Eksekutif Selepas Jualan Motosikal adalah orang yang ditugaskan untuk memberi nasihat dan perkhidmatan kepada pelanggan selepas mereka membeli sebuah motosikal, melaksanakan peraturan-peraturan perdagangan motorsikal, membangunkan piawaian kualiti produk, melakukan proses kawalan kualiti, mentadbir dasar organisasi dan prosedur bengkel, membangunkan semangat kerja berpasukan, menilai prestasi kakitangan, menyelesaikan masalah teknikal dan bukan teknikal serta menguruskan kemudahan dan peralatan.

#### **Eksekutif Selepas Jualan Motosikal berkebolehan untuk:**

1. mencapai sasaran jualan bengkel dan aksesori motosikal;
2. menjalankan perancangan, bajet dan pelaksanaan pemasaran;
3. memastikan latihan kakitangan teknikal adalah mengikut standard;
4. memantau jabatan bengkel dan komponen;
5. bertanggungjawab bagi semua proses dalam jabatan;
6. bertanggungjawab bagi komponen-komponen dan stok aksesori;
7. menilai semua kemalangan motosikal dengan juruteknik;
8. mematuhi keperluan jabatan mesin;
9. memastikan jabatan selepas jualan menyampaikan tahap kepuasan pelanggan yang tinggi;
10. membina hubungan yang kukuh dengan pelanggan luaran dan mendapatkan bisnes jangka panjang;
11. mengendalikan aduan pelanggan;
12. mengkaji jualan bulanan dan prestasi keuntungan;
13. mematuhi *Environmental Protection Act* (EPA);

14. mematuhi *Road Traffic Ordinance, Occupational Safety and Health Act (OSHA)*, peraturan-peraturan pengiklanan (papan tanda) dan peraturan penyimpanan bahan mudah terbakar dengan baik;
15. mengaudit standard kualiti bengkel dan servis motosikal;
16. menjalankan analisis kegagalan produk;
17. menghasilkan laporan kerja;
18. menjalankan penilaian prestasi dan kaunseling kakitangan;
19. mengumpul maklumat teknikal dan bukan teknikal serta keperluan latihan;
20. mencadangkan kemudahan dan kelengkapan bengkel motosikal; dan
21. menyediakan jadual penyelenggaraan pencegahan untuk peralatan bengkel motosikal.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **SERVIS (MOTOSIKAL – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 5**

#### **PENGURUS SELEPAS JUALAN MOTOSIKAL\***

Pengurus Selepas Jualan Motosikal adalah orang yang ditugaskan untuk mengurus operasi bengkel motosikal, pematuhan peraturan perdagangan kenderaan, piawaian kualiti produk, proses kawalan kualiti, masalah teknikal dan bukan teknikal, kemudahan dan peralatan serta mentadbir dasar dan prosedur organisasi.

#### **Pengurus Selepas Jualan Motosikal berkebolehan untuk:**

1. merancang acara dan kempen pemasaran;
2. mengurus ahli pasukan dalam mencapai matlamat mereka;
3. mematuhi keperluan jabatan bomba;
4. mengurus komponen motosikal, bengkel, aksesori dan sasaran jualan;
5. menyediakan perancangan, bajet dan pelaksanaan pemasaran;
6. mengurus bengkel dan jabatan komponen;
7. mengurus stok komponen-komponen dan aksesori;
8. mengurus jabatan selepas jualan;
9. membina hubungan yang kukuh dengan pelanggan luaran dan menjamin perniagaan jangka panjang;
10. mengurus maklum balas pelanggan;
11. mengkaji jualan bulanan dan prestasi keuntungan; dan
12. menyediakan kemudahan dan kelengkapan bengkel motosikal.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **NGV (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 2**

#### **PEMASANG NGV\***

Pemasang *Natural Gas for Vehicle* (NGV) adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan ujian-ujian sebelum, semasa dan selepas penukaran NGV serta servis sistem bahan api dan elektrik NGV.

#### **Pemasang NGV berkebolehan untuk:**

1. memadankan memasang komponen NGV pada kenderaan;
2. memeriksa sistem penyejukan enjin, sistem pencucuhan, sistem elektrik dan sistem bahan api kenderaan;
3. menjalankan ujian mampatan enjin;
4. menghasilkan laporan pra-penukaran;
5. memasang silinder, pengatur, pencampur, *master shut off valve/ filling receptacle, gas solenoid/ pressure gauge, petrol solenoid valve, high pressure tubing/ pipe, ignition timing modifier, selector switch* dan sistem pendawaian NGV;
6. menjalankan ujian kebocoran;
7. menyemak prestasi enjin pada mod petrol dan gas;
8. membaikpulih pengatur NGV;
9. menala enjin mengikut spesifikasi;
10. melekatkan plat dan label pengenalan pada kenderaan;
11. menyemak label dan plat pengenalan; dan
12. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal





## **NGV (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PEMASANG KANAN NGV\***

Pemasang Kanan *Natural Gas for Vehicle* (NGV) adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan ujian-ujian sebelum, semasa dan selepas penukaran NGV, servis sistem bahan api dan elektrik NGV, melaksanakan sistem diagnosis kerosakan NGV serta melakukan pemeriksaan berkala.

#### **Pemasang Kanan NGV berkebolehan untuk:**

1. memeriksa fungsi komponen elektrik NGV;
2. menjalankan ujian jalanraya;
3. mengatur dan mendapatkan kelulusan pemasangan NGV daripada *Regional Transport Authority* (RTA);
4. mengatasi masalah penggunaan gas yang tinggi;
5. mengatasi masalah enjin terlalu panas;
6. mengatasi masalah enjin *jerking* pada kelajuan rendah/tinggi;
7. mengatasi masalah *hard starting*;
8. mengatasi masalah *rough idling* enjin;
9. mengatasi masalah enjin kehilangan kuasa;
10. memeriksa sistem pendawaian elektrik, *selector switch*, *NGV gas solenoid valve*, *pressure gauge* dan *ignition timing modifier*;
11. menjalankan pemeriksaan lengkap pada sistem NGV;
12. memeriksa silinder untuk kecacatan dan kesahihan;
13. menyemak pendaftaran kenderaan, pengenalan casis, label tangki NGV dan dokumentasi;
14. mengaudit kemudahan bengkel NGV; dan

15. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## KENDERAAN BERMOTOR (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)

### TAHAP 1

#### JURUTEKNIK AUTOMOTIF\*

Juruteknik Automotif adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan amalan bengkel, melaksanakan penyelenggaraan kenderaan, melakukan pembaikan enjin, melaksanakan servis sistem bahan api, melaksanakan pembaikan sistem elektrik kenderaan, melaksanakan pembaikan *drivetrain* dan melaksanakan pembaikan sistem brek kenderaan.

#### **Juruteknik Automotif berkebolehan untuk:**

1. menjalankan amalan keselamatan bengkel;
2. menjalankan aktiviti *bench fitting* dan kimpalan asas;
3. menjalankan penyelenggaraan peralatan bengkel;
4. menjalankan pemeriksaan kenderaan;
5. menjalankan perkhidmatan pelinciran enjin;
6. membetulkan sistem penyejukan enjin dan sistem pelincir;
7. menjalankan *engine top overhaul*;
8. menggantikan pam bahan api mekanikal;
9. membetulkan *engine ignition system, engine starting system, vehicle charging system, vehicle lighting system, vehicle headlamp alignment, windshield wiper system* dan *diesel preheating system*;
10. membaiki dan menggantikan *hydraulic clutch system, vehicle clutch assembly, drive shaft assembly, propeller shaft assembly* dan *half shaft assembly*;
11. menggantikan pad brek, cakera brek, brek drum dan *brake lining* kenderaan;
12. membaiki dan menggantikan *parking brake, brake master pump, brake callipers* dan *brake wheel cylinder*;
13. membaiki dan menggantikan *steering tie-rod end and steering knuckle assembly*;

14. memperbaiki dan menggantikan *steering rack dust cover, front wheel bearings, rear wheel bearings, vehicle suspension bushes, front shock absorbers, rear shock absorber* dan *vehicle leaf springs assembly*;
15. menggantikan *air- conditioning belt* dan *tensioner*;
16. menggantikan *evaporator air filter* penghawa dingin;
17. mengitar semula bahan penyejuk penghawa dingin kenderaan; dan
18. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## KENDERAAN BERMOTOR (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)

### TAHAP 2

#### JURUTEKNIK KENDERAAN BERMOTOR\*

Juruteknik Kenderaan Bermotor adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan servis sistem bahan api, melaksanakan pembaikan induksi udara dan sistem ekzos, melakukan pembaikan enjin, melaksanakan pembaikan sistem elektrik kenderaan, melaksanakan pembaikan sistem elektronik kenderaan, melakukan pembaikan *drivetrain* manual, melaksanakan pembaikan transmisi automatik, melaksanakan pembaikan sistem brek, melaksanakan pembaikan sistem stereng, melaksanakan pembaikan sistem suspensi, melaksanakan servis sistem penghawa dingin serta melaksanakan pembaikan sistem penyejukan.

#### Juruteknik Kenderaan Bermotor berkebolehan untuk:

1. menjalankan penggantian *fuel line pressure regulator*;
2. menjalankan penggantian penyuntik bahan api elektronik;
3. menjalankan servis penyuntik bahan api diesel;
4. menjalankan *diesel fuel injection pump timing*;
5. menjalankan penggantian *intercooler unit* dan *catalytic converter*;
6. menjalankan baikpulih enjin;
7. menjalankan kerja pembetulan ke atas *dashboard instruments, electrical fan motor, central locking system, alarm system* dan *power windows*;
8. menjalankan penggantian geganti elektronik dan sensor;
9. menjalankan pembetulan *front wheel driveshaft*;
10. menjalankan baikpulih *manual transaxle* dan transmisi;
11. menjalankan pembetulan *manual transaxle* dan transmisi;
12. menjalankan pembetulan *four-wheel drive transfer case*;
13. menjalankan pembetulan *Anti-Lock Brake System (ABS)*;

14. menjalankan baikpulih gandar belakang;
15. menjalankan kerja pembetulan *inhibitor switch*;
16. menjalankan baikpulih *automatic transaxle* dan transmisi;
17. menjalankan penggantian *brake booster*;
18. menjalankan pembetulan stereng manual dan *power steering*;
19. menjalankan penggantian *Macpherson–strut assembly* dan *suspension ball joint*;
20. menjalankan penggantian *suspension bushes* dan *control arm*;
21. menjalankan penggantian *air-conditioning receiver drier*;
22. menjalankan penggantian *air-conditioning expansion valve replacement* dan *system flushing*;
23. menjalankan pembetulan sistem penyejukan; dan
24. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## KENDERAAN BERMOTOR (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)

### TAHAP 3

#### JURUTEKNIK KANAN KENDERAAN BERMOTOR\*

Juruteknik Kanan Kenderaan Bermotor adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan penyelenggaraan kenderaan, servis sistem bahan api, melaksanakan diagnosis sistem induksi udara dan ekzos, melaksanakan diagnosis enjin, melaksanakan diagnosis sistem elektrik kenderaan, melaksanakan diagnosis sistem elektronik kenderaan, melakukan diagnosis *drivetrain* manual, melaksanakan diagnosis transmisi automotik, melaksanakan diagnosis sistem brek, melaksanakan diagnosis sistem stereng, melaksanakan diagnosis sistem suspensi, melaksanakan diagnosis sistem penghawa dingin, melakukan diagnosis sistem penyejukan dan melaksanakan tugas penyeliaan.

#### **Juruteknik Kanan Kenderaan Bermotor berkebolehan untuk:**

1. mengendalikan permintaan pelanggan;
2. menyediakan laporan teknikal;
3. mematuhi *Occupational Safety and Health Act* (OSHA);
4. menjalankan ujian jalanraya;
5. memeriksa *emission control system* dan *can bus system*;
6. menjalankan kerja pembetulan pengecas turbo;
7. menjalankan penggantian *super charger*;
8. menjalankan ujian diagnostik pengurusan enjin;
9. menjalankan pemeriksaan ke atas *Supplementary Inflatable Restraint System* (SRS);
10. menjalankan ujian diagnostik pada *Control Unit* (CU);
11. menjalankan ujian diagnostik pada *Continuous Variable Transmission* (CVT);
12. menjalankan ujian diagnostik *four-wheel drive transfer case*;
13. menjalankan ujian *hydraulic pressure and stall*;
14. menjalankan ujian *gear shift pattern*;

15. melakukan ujian diagnostik pada *Anti-Lock Brake System* (ABS).
16. menjalankan ujian fungsi stereng kuasa;
17. mewujudkan jadual kerja;
18. memberikan taklimat harian;
19. menyelaraskan mesyuarat seksyen;
20. mewujudkan bajet seksyen;
21. mentadbir penilaian kakitangan; dan
22. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal





## **KENDERAAN BERMOTOR (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 3**

#### **JURURUNDING SERVIS KENDERAAN BERMOTOR\***

Jururunding Servis Kenderaan Bermotor adalah orang yang ditugaskan untuk bekerja di pusat jualan kereta dan pusat servis kenderaan. Tugasnya adalah untuk menerangkan kepada pemilik kereta tentang jenis penyelenggaraan yang mungkin perlu dan beliau harus dapat memberikan maklumat tentang harga penyelenggaraan tersebut. Beliau juga harus mampu mencadangkan kerja-kerja penyelenggaraan yang mungkin perlu pada masa depan.

#### **Jururunding Servis Kenderaan Bermotor berkebolehan untuk:**

1. mengenalpasti masalah kenderaan dengan mendengar penerangan pelanggan;
2. menjelaskan perihal masalah kenderaan;
3. menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan;
4. memandu uji kenderaan;
5. memeriksa rekod penyelenggaraan kenderaan;
6. memeriksa jadual perkhidmatan;
7. menyediakan *Repair Order* (RO) dengan menerangkan masalah yang dikenalpasti serta pembaikan dan servis diperlukan;
8. mendapatkan tandatangan kelulusan dan RO masukkan ke dalam sistem pangkalan data perkhidmatan;
9. menganggarkan kos untuk bahan, barangan dan upah; mengira bayaran yang perlu dibuat oleh pelanggan, termasuk potongan;
10. mengesahkan jaminan dan liputan kontrak servis dengan memeriksa rekod serta menjelaskan peruntukan dan pengecualian; dan

11. melakukan penulisan laporan teknikal.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **KENDERAAN BERMOTOR (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 4**

#### **EKSEKUTIF SELEPAS JUALAN KENDERAAN BERMOTOR\***

Eksekutif Selepas Jualan Kenderaan Bermotor adalah orang yang ditugaskan untuk memberi nasihat dan perkhidmatan kepada pelanggan selepas mereka membeli kenderaan, melaksanakan peraturan-peraturan perdagangan motor, merangka piawaian kualiti produk, melaksanakan proses kawalan kualiti, mentadbir dasar-dasar organisasi dan prosedur bengkel, membangunkan semangat kerja berpasukan, menilai prestasi kakitangan, menyelesaikan masalah teknikal dan bukan teknikal serta menguruskan kemudahan dan peralatan.

#### **Eksekutif Selepas Jualan Kenderaan Bermotor berkebolehan untuk:**

1. mencapai sasaran jualan komponen kenderaan, bengkel dan aksesori;
2. beroperasi di dalam garis panduan bajet;
3. menjalankan perancangan, bajet dan pelaksanaan pemasaran;
4. melakukan carta kemahiran tenaga kerja/matriks;
5. memastikan latihan kakitangan teknikal mematuhi standard;
6. memantau jabatan bengkel dan bahagian;
7. bertanggungjawab bagi semua proses dalam jabatan;
8. bertanggungjawab bagi stok bahagian-bahagian dan aksesori;
9. menilai semua kemalangan kenderaan dengan juruteknik;
10. merancang acara dan kempen pemasaran;
11. menyokong ahli-ahli pasukan dalam mencapai matlamat mereka;
12. mematuhi keperluan jabatan bomba;
13. mematuhi keperluan jabatan jentera;
14. mengeluarkan buletin servis;
15. memastikan jabatan selepas jualan mencapai tahap kepuasan pelanggan yang tinggi;

16. mengendalikan dan menguruskan aduan pelanggan;
17. mengkaji jualan bulanan dan prestasi keuntungan;
18. memastikan jabatan selepas jualan mencapai sasaran;
19. mematuhi peraturan *Road Traffic Ordinance* (RTO), *Occupational Safety and Health Act* (OSHA), peraturan pengiklanan (papan tanda) dan peraturan penyimpanan bahan mudah terbakar dengan baik;
20. mengaudit standard kualiti bengkel dan servis automotif;
21. menjalankan analisis kegagalan produk;
22. merancang sasaran kualiti dan penambahbaikan;
23. melaksanakan prosedur keselamatan, kod tatatertib dan perkara-perkara berkaitan cuti;
24. menguruskan mesyuarat jabatan;
25. menghasilkan laporan kerja;
26. menjalankan penilaian prestasi dan kaunseling kakitangan;
27. mengumpul maklumat teknikal dan bukan teknikal dan keperluan latihan;
28. mencadangkan kemudahan dan kelengkapan bengkel automotif; dan
29. menyediakan jadual penyelenggaraan pencegahan untuk peralatan bengkel automotif.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **KENDERAAN BERMOTOR (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 5**

#### **PENGURUS SELEPAS JUALAN KENDERAAN BERMOTOR\***

Pengurus Selepas Jualan Kenderaan Bermotor adalah orang yang ditugaskan untuk mengurus operasi bengkel automotif, pematuhan peraturan perdagangan kenderaan, piawaian kualiti produk, proses kawalan kualiti, masalah teknikal dan bukan teknikal, kemudahan dan peralatan serta mentadbir dasar dan prosedur organisasi.

#### **Pengurus Selepas Jualan Kenderaan Bermotor berkebolehan untuk:**

1. merancang dan melaksanakan acara dan kempen pemasaran;
2. mengurus ahli pasukan dalam mencapai matlamat mereka;
3. mematuhi keperluan jabatan bomba;
4. mengurus komponen automotif, bengkel, aksesori dan sasaran jualan;
5. menyediakan perancangan, bajet dan pelaksanaan pemasaran;
6. mengurus bengkel dan jabatan komponen;
7. mengurus semua proses dalam jabatan;
8. mengurus stok komponen dan aksesori;
9. memastikan jabatan selepas jualan mencapai tahap kepuasan pelanggan;
10. membina hubungan kukuh dengan pelanggan luaran dan mendapatkan bisnes jangka panjang;
11. mengurus maklum balas pelanggan;
12. mengkaji jualan bulanan dan prestasi keuntungan;
13. mengurus standard kualiti bengkel dan servis automotif; dan
14. merancangan aktiviti pembangunan perniagaan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PENGHAWA DINGIN (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 2**

#### **JURUTEKNIK PENGHAWA DINGIN\***

Juruteknik Penghawa Dingin adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan penyelenggaraan berkala penghawa dingin, melaksanakan pemasangan paip/tiub penghawa dingin, melaksanakan pembaikan komponen sistem penghawa dingin dan melaksanakan pembetulan sistem elektrikalelektronik penghawa dingin.

##### **Juruteknik Penghawa Dingin berkebolehan untuk:**

1. menjalankan ujian prestasi sistem penghawa dingin;
2. membaikpulih unit penyejukan penghawa dingin;
3. menggantikan *evaporator micro filter* penghawa dingin;
4. menggantikan minyak pemampat penghawa dingin;
5. menjalankan *brazing* pada paip/tiub penghawa dingin;
6. menjalankan *flaring* pada paip/tiub penghawa dingin;
7. menjalankan pemasangan paip/tiub penghawa dingin;
8. membetulkan unit kawalan aliran udara penghawa dingin;
9. menggantikan *expansion valve* penghawa dingin;
10. menggantikan *water control valve* penghawa dingin;
11. membaikpulih *condenser* penghawa dingin;
12. menggantikan klac magnet penghawa dingin;
13. menggantikan suis penghawa dingin;
14. menggantikan *belt, pulley* dan *tensioner bearing* penghawa dingin;
15. membaiki dan menggantikan *wire harness* penghawa dingin;

16. mencuci sistem penghawa dingin;
17. membetulkan sistem thermo penghawa dingin; dan
18. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PENGHAWA DINGIN (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 3**

#### **JURUTEKNIK KANAN PENGHAWA DINGIN\***

Juruteknik Kanan Penyamanan Udara adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan penyelenggaraan berkala penghawa dingin, melaksanakan pemasangan paip/tiub penghawa dingin, melaksanakan pembetulan komponen sistem penghawa dingin, melaksanakan pembetulan sistem elektrik/elektronik penghawa dingin dan menjalankan fungsi penyeliaan.

#### **Juruteknik Kanan Penyamanan Udara berkebolehan untuk:**

1. menyelaras dan menjalankan ujian diagnostik prestasi sistem penghawa dingin;
2. melakukan ujian diagnostik unit penyejukan penghawa dingin kenderaan;
3. menyediakan jadual kerja;
4. menjalankan taklimat keselamatan;
5. menyediakan syor penilaian;
6. menjalankan perancangan keperluan tenaga bawahan;
7. menyelaras pembangunan kakitangan;
8. memantau kemajuan prestasi kerja;
9. menjalankan mesyuarat seksyen; dan
10. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal





## TAYAR (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)

### TAHAP 2

#### JURUTEKNIK TAYAR\*

Juruteknik Tayar adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan penukaran tayar dan pembaikan tayar, membaiki kondisi komponen kenderaan, melaksanakan penjajaran dan pengimbangan roda serta melaksanakan servis kecil pada sistem suspensi dan stereng.

##### **Juruteknik Tayar berkebolehan untuk:**

1. menukar tayar kereta penumpang;
2. menjalankan *off-car* dan *on-car wheel balancing*;
3. mengimbangkan tayar kereta penumpang;
4. menukar kedudukan roda;
5. menukar injap tayar tanpa tiub;
6. memeriksa keadaan tayar dan rim;
7. memeriksa roda untuk *radial and lateral run-out on hub and bolt centre*;
8. memeriksa rim untuk *radial and lateral run-out on hub and bolt centre*;
9. melakukan penjajaran roda;
10. melakukan pembaikan kebocoran tayar;
11. melaraskan *rear wheel camber and toe angle*;
12. melaraskan *front wheel camber angle on McPherson strut, wishbone suspension and short/long arm type suspension*;
13. melaraskan *front wheel caster angle on McPherson strut and short/long arm type suspension*;
14. melaraskan *front wheel toe angle*;
15. memeriksa stereng kuasa;
16. membetulkan ketinggian kenderaan;
17. menggantikan *tie-rod end*;

18. menggantikan *dust cover on rack and pinion steering*;
19. menggantikan *shock absorber on McPherson strut*;
20. menggantikan *shock absorber on wishbone suspension*;
21. menggantikan *ball joint/bushing on McPherson strut*;
22. menggantikan *ball joint/bushing on wishbone suspension*;
23. menyemak *steering linkage on recirculating ball type steering*;
24. menggantikan *i-beam suspension bushing*; dan
25. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **TAYAR (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 3**

#### **JURUTEKNIK KANAN TAYAR\***

Juruteknik Kanan Tayar adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan penukaran tayar, melaksanakan pembaikan tayar, membaiki kondisi komponen kenderaan, melaksanakan penjajaran dan pengimbangan roda, melaksanakan servis kecil pada sistem suspensi dan stereng, menjalankan ujian kenderaan serta melaksanakan fungsi penyeliaan.

#### **Juruteknik Kanan Tayar berkebolehan untuk:**

1. *skim* cakera brek;
2. melaraskan (4x2) sudut penjajaran roda gandar hadapan;
3. melaraskan (6x4) sudut penjajaran roda gandar hadapan;
4. melaraskan (6x4) jumlah sudut penjajaran roda;
5. melaraskan *tandem axle scrub angle* pada *semi-trailer*;
6. menguji getaran kenderaan;
7. menguji kenderaan untuk penjajaran roda yang betul;
8. menguji bunyi yang tidak normal yang berkaitan dengan sistem stereng;
9. menguji sistem suspensi;
10. menyediakan jadual kerja;
11. menyediakan syor penilaian;
12. menjalankan perancangan keperluan tenaga bawahan;
13. menjalankan mesyuarat seksyen; dan
14. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **AKSESORI (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 2**

#### **JURUTEKNIK PEMASANGAN AKSESORI\***

Juruteknik Pemasangan Aksesori adalah orang yang ditugaskan untuk memasang sistem penggera, sistem *central locking*, sistem tingkap kuasa, sistem hiburan dalam kereta, *tinted film*, kit badan, kalis bunyi serta aksesori dalaman dan luaran.

#### **Juruteknik Pemasangan Aksesori berkebolehan untuk:**

1. melakukan pemasangan modul penggera, ganti penggera, siren, *wire harness* dan suis *reset*;
2. melakukan pemasangan ganti dan penggerak sistem *central locking*;
3. melakukan pemasangan pengatur tingkap manual;
4. melakukan pemasangan pengatur tingkap kuasa, modul tingkap kuasa dan abah tingkap kuasa;
5. melakukan pemasangan set radio, set pembesar suara, *subwoofer*, *Global Positioning System* (GPS), *reverse sensor*, *reverse camera* dan *wire harness*;
6. melakukan penalaan sistem audio;
7. memeriksa penampilan kereta;
8. menyembur *cavity wax* pada *trunk room inner*, *door inner*, *fender inner*, *side sill box*, *engine compartment*, *hood inner*, *door hinges* dan *tail gate inner panel*;
9. menyembur *anti rust in section areas*, *wheel arch area* dan *undercarriage chassis frame*;
10. melakukan pemasangan kalis bunyi;
11. melakukan *side steps outer installation*;
12. melakukan pemasangan *inverter*; dan

13. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **AKSESORI (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 3**

#### **JURUTEKNIK KANAN PEMASANGAN AKSESORI\***

Juruteknik Kanan Pemasangan Aksesori adalah orang yang ditugaskan untuk memasang sistem penggera, sistem *central locking*, sistem tingkap kuasa, sistem hiburan dalam kereta, *tinted film*, kit badan, kalis bunyi, aksesori dalaman dan luaran, melakukan semburan anti-karat pada bahagian atas dan *undercarriage* kenderaan serta menjalankan fungsi penyeliaan.

#### **Juruteknik Kanan Pemasangan Aksesori berkebolehan untuk:**

1. melaksanakan penyelarasan jadual tenaga kerja;
2. menguji fungsi sistem penggera;
3. menguji fungsi sistem *central locking*;
4. menguji fungsi sistem tingkap kuasa;
5. menguji fungsi sistem hiburan dalam kereta;
6. membaiki sistem penggera;
7. membaiki sistem *central locking*;
8. membaiki sistem tingkap kuasa;
9. membaiki sistem hiburan dalam kereta;
10. mengesahkan kualiti aplikasi anti-karat;
11. mengesahkan kualiti pemasangan kalis bunyi;
12. memasang *side garnish* atau *flare moulding*;
13. menguji fungsi dan kualiti aksesori luaran;
14. menyediakan syor penilaian;
15. menyelaraskan pembangunan kakitangan.; dan
16. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **SPRAY PAINTING (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 1**

#### **SPRAY PAINTER AUTOMOTIF\***

*Spray Painter* Automotif adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan amalan keselamatan, menyelenggara peralatan, menggunakan peralatan pengukuran dan pengujian, melakukan *alkyd finishing (whole body)*, melakukan *alkyd finishing (repair work)*, melaksanakan *acrylic finishing (whole body)*, melaksanakan *acrylic finishing (repair work)*, melaksanakan *2 pack (2K) finishing*, melaksanakan *2 pack (2K)* dan *finishing repair work*.

#### ***Spray Painter* Automotif berkebolehan untuk:**

1. melakukan pemeriksaan harian untuk memastikan ciri-ciri keselamatan peralatan adalah berfungsi;
2. menentukan jenis substrat;
3. melaksanakan penyediaan permukaan;
4. melaksanakan kerja-kerja *sanding* dan *putty*;
5. melakukan penyediaan kerja-kerja *undercoat*;
6. menyediakan bahan-bahan pengecatan semburan;
7. menyembur komponen badan kenderaan seperti yang dikehendaki; dan
8. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PANEL BEATING (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 1**

#### **PANEL BEATER AUTOMOTIF\***

*Panel Beater* Automotif adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan amalan keselamatan, menyediakan peralatan, membaikpulih dan menggunakan peralatan *panel beating*, menggunakan peralatan pengukuran dan pengujian, menanggalkan bahagian-bahagian badan kenderaan dan aksesori serta memotong dan mengimpal bahagian-bahagian badan kenderaan.

#### ***Panel Beater* Automotif berkebolehan untuk:**

1. melakukan pemeriksaan harian untuk memastikan ciri-ciri keselamatan peralatan adalah berfungsi;
2. menanggalkan, membetulkan dan memasang semula komponen badan kenderaan;
3. menanggalkan dan memasang semula *wire harness*, lampu bumbung, upholstery, permaidani dan *dashboard*;
4. menanggalkan dan memasang semula komponen enjin berkaitan;
5. melakukan kimpalan bintik dan *Metal Inert Gas* (MIG); dan
6. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal





## **SPRAY PAINTING (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 2**

#### **SPRAY PAINTER KANAN AUTOMOTIF\***

*Spray Painter* Kanan Automotif adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan amalan keselamatan, menyelenggara peralatan, menggunakan peralatan pengukuran dan pengujian, prebiu warna semburan, panel pembetulan dan *heat lamp touch-up*, melakukan *alkyd finishing (whole body)*, melakukan *alkyd finishing (repair work)*, melaksanakan *acrylic finishing (whole body)*, melaksanakan *acrylic finishing (repair work)*, melaksanakan *2 pack (2K) finishing*, melaksanakan *2 pack (2K)* dan *finishing repair work*.

#### ***Spray Painter* Kanan Automotif berkebolehan untuk:**

1. melaksanakan kerja-kerja pembaikan di kawasan yang rosak;
2. melakukan lapisan *primer*;
3. melakukan proses *moist sanding*;
4. melakukan padanan warna;
5. melakukan penyemburan *primer*;
6. melakukan semburan warna pada kenderaan lengkap;
7. melaksanakan penyediaan ketuhar; dan
8. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PANEL BEATING (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 2**

#### **PANEL BEATER KANAN AUTOMOTIF\***

*Panel Beater* Kanan Automotif adalah orang yang ditugaskan untuk menjalankan pembaikan badan kenderaan, menjalankan pelbagai jenis pengukuran, menilai pembaikan badan dan melakukan aktiviti-aktiviti kimpalan.

***Panel Beater* Kanan Automotif berkebolehan untuk:**

1. membaiki, menyelaraskan dan memasang komponen badan kenderaan;
2. meluruskan penyok dan menyelaraskan struktur badan dan casis;
3. melakukan kimpalan bintik pada komponen badan;
4. melakukan kimpalan dan kerja-kerja memotong menggunakan *Tungsten Inert Gas* (TIG)/*Metal Inert Gas* (MIG);
5. mematuhi *Prosedur Pengoperasian Standard* (SOP) syarikat;
6. mematuhi peraturan badan kawal selia; dan
7. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **SPRAY PAINTING (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PENYELIA *SPRAY PAINTING* AUTOMOTIF\***

Penyelia *Spray Painting* Automotif adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan amalan keselamatan, menyelenggara peralatan, menggunakan peralatan pengukuran dan pengujian, melakukan *whole body alkyd finishing*, melakukan *alkyd finishing repair work*, melaksanakan *whole body acrylic finishing*, melaksanakan *acrylic finishing repair work*, melaksanakan *2 pack (2K) finishing*, melaksanakan *2 pack (2K)* dan *finishing repair work*, melaksanakan semburan cat berasaskan air serta menyusun dan menyelia kerja pengecatan semburan.

#### **Penyelia *Spray Painting* Automotif berkebolehan untuk:**

1. mengesahkan alat pengukur adalah berfungsi;
2. memastikan peralatan adalah selamat, bersih dan berkeadaan baik;
3. melakukan pengecatan berasaskan air dan plastik;
4. melakukan semburan warna pada kenderaan lengkap;
5. menyediakan anggaran dan harga untuk kerja pengecatan;
6. menyediakan jadual kerja;
7. menjalankan demonstrasi kerja;
8. menyediakan laporan pengecatan;
9. menyediakan inventori bahan;
10. mengakses prestasi pekerja bawahan;
11. merancang pembangunan sistem bekerja;
12. melaksanakan kawalan kualiti;
13. melaksanakan penyelarasan aktiviti berkaitan; dan

14. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## ***SPRAY PAINTING/PANEL BEATING***

### **(KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

#### **TAHAP 3**

#### **PENILAI KEROSAKAN KENDERAAN\***

Penilai Kerosakan Kenderaan adalah orang yang ditugaskan untuk berurusan dengan tuntutan yang dibuat ke atas polisi insurans, menganalisis kerosakan kenderaan, anggaran kos untuk pembaikan, menyediakan borang tuntutan dan menganggarkan kerja pembaikan berdasarkan kontrak.

#### **Penilai Kerosakan Kenderaan berkebolehan untuk:**

1. menilai kerosakan kenderaan;
2. menganggarkan kos untuk perkhidmatan pembaikan;
3. menyediakan borang/dokumen tuntutan insurans;
4. menentukan anggaran kerja pembaikan berdasarkan kontrak;
5. menganggarkan kos untuk membaiki kerosakan berpandukan manual kos/barangan dan pengetahuan pembaikan automotif;
6. menjalankan perancangan keperluan tenaga bawahan;
7. menyelaras pembangunan kakitangan;
8. memantau kemajuan prestasi kerja;
9. menyediakan jadual kerja; dan
10. menjalankan mesyuarat seksyen.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **PANEL BEATING (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PENYELIA PANEL BEATING AUTOMOTIF\***

Penyelia *Panel Beating* Automotif adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan pembaikan badan kenderaan, mengatur dan menyelaraskan semua aktiviti kerja *panel beating*, menyelia kakitangan bawahan serta memastikan kualiti kerja *panel beating*.

#### **Penyelia *Panel Beating* Automotif berkebolehan untuk:**

1. mematuhi peraturan keselamatan kedai dan peralatan;
2. memastikan pematuhan *Personal Protective Equipment* (PPE);
3. menentukur peralatan *body aligner*;
4. melaksanakan penjajaran badan;
5. menyediakan *order/job card*;
6. menyediakan kawalan masa untuk kerja-kerja pembaikan;
7. memantau kualiti produk siap;
8. melakukan ujian jalan raya;
9. menyediakan anggaran pembaikan;
10. membaikpulih kemudahan bengkel dan persekitaran;
11. mematuhi kaedah dan peraturan badan kawal selia;
12. memantau kemajuan prestasi kerja;
13. menjalankan latihan kerja;
14. menyediakan jadual kerja;
15. menjalankan mesyuarat seksyen; dan
16. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## ***SPRAY PAINTING/PANEL BEATING***

### **(KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

#### **TAHAP 4**

#### **EKSEKUTIF OPERASI *SPRAY PAINTING & PANEL BEATING* AUTOMOTIF\***

Eksekutif Operasi *Spray Painting & Panel Beating* Automotif adalah orang yang ditugaskan untuk merancang, mereka bentuk dan menyusun aktiviti dan kemudahan *spray painting* dan *panel beating*; memberikan nasihat dan perkhidmatan kepada pelanggan tentang kerja *spray painting* dan *panel beating* automotif, mematuhi peraturan perdagangan motor, membangunkan piawaian kualiti produk, melaksanakan proses kawalan kualiti, mentadbir dasar-dasar organisasi dan prosedur bengkel, membangunkan semangat kerja berpasukan, menilai prestasi kakitangan serta menguruskan kemudahan dan peralatan.

#### **Eksekutif Operasi *Spray Painting & Panel Beating* Automotif berkebolehan untuk:**

1. menjalankan perancangan, bajet dan pelaksanaan pemasaran;
2. mengemaskini pengetahuan dan kemahiran kakitangan tentang teknologi terkini;
3. mengesahkan dokumen tuntutan;
4. membantu ahli-ahli pasukan dalam mencapai matlamat mereka dan memberi arahan mengenai operasi harian;
5. mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan badan kawal selia;
6. membina hubungan yang kukuh dengan pelanggan luaran;
7. menangani aduan pelanggan;
8. melakukan pemeriksaan terakhir kerja pemulihan kenderaan;
9. mengumpul maklumat teknikal dan bukan teknikal serta keperluan latihan;
10. mencadangkan kemudahan dan peralatan baru untuk bengkel *spray painting* dan *panel beating*;

11. menyediakan jadual penyelenggaraan pencegahan untuk peralatan bengkel *spray painting* dan *panel beating*; dan
12. melakukan kerja-kerja pentadbiran.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal





**SPRAY PAINTING/PANEL BEATING (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS  
JUALAN)  
TAHAP 5**

**PENGURUS *SPRAY PAINTING & PANEL BEATING*\***

Pengurus *Spray Painting & Panel Beating* Automotif adalah orang yang ditugaskan untuk mengurus operasi bengkel automotif, pematuhan peraturan perdagangan kenderaan, piawaian kualiti produk, proses kawalan kualiti, masalah teknikal dan bukan teknikal, kemudahan dan peralatan serta mentadbir dasar dan prosedur organisasi.

**Pengurus *Spray Painting & Panel Beating* Automotif berkebolehan untuk:**

1. merancang acara dan kempen pemasaran;
2. mengurus ahli pasukan dalam mencapai matlamat mereka;
3. mengurus sasaran jualan komponen automotif, bengkel dan aksesori;
4. menyediakan perancangan, bajet dan pelaksanaan pemasaran;
5. mengurus semua proses dalam jabatan;
6. mengurus stok komponen dan aksesori;
7. menguruskan jabatan selepas jualan supaya ia dapat mencapai tahap kepuasan pelanggan yang tinggi
8. membina hubungan yang kukuh dengan pelanggan luaran dan mendapatkan bisnes jangka panjang;
9. mengurus maklum balas pelanggan;
10. mengkaji semula jualan bulanan dan prestasi keuntungan;
11. merancang sasaran kualiti dan penambahbaikan;
12. mengurus prosedur keselamatan, kod tatatertib dan perkara mengenai cuti; dan
13. menyediakan kemudahan dan kelengkapan bengkel.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **UPHOLSTRI (KENDERAAN PENUMPANG – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 3**

#### **TUKANG UPHOLSTRI\***

Tukang Upholsteri adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan kerja-kerja lakaran dan lukisan, membaikpulih bingkai kusyen, melaksanakan kemasan pada penyalut stereng, trim pintu, *dashboard*, *console assembly* dan kanopi, melaksanakan aktiviti kawalan kualiti serta melaksanakan aktiviti penyelenggaraan.

#### **Tukang Upholsteri berkebolehan untuk:**

1. melukiskan templat kusyen;
2. menyediakan lukisan bingkai kusyen;
3. menghasilkan lukisan bergambar;
4. menghasilkan lukisan isometrik dan 3D;
5. memilih bahan yang sesuai untuk aktiviti membaikpulih upholstery;
6. menyediakan pemasangan tempat duduk lengkap;
7. menghasilkan dan memasang langsir tempahan khas tingkap kenderaan;
8. membetulkan lapisan bumbung kenderaan;
9. membetulkan permaidani lantai;
10. membaikpulih penyalut stereng, trim pintu, *dashboard*, pemasangan konsol dan kanopi;
11. menyelenggara peralatan upholstery;
12. mematuhi peraturan badan kawal selia; dan
13. melakukan fungsi pentadbiran.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## KENDERAAN KOMERSIL (KENDERAAN KOMERSIL BERAT – SELEPAS JUALAN)

### TAHAP 1

#### JURUTEKNIK PENYELENGGARAAN KENDERAAN KOMERSIL\*

Juruteknik Penyelenggaraan Kenderaan Komersil adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan amalan dan prosedur keselamatan bengkel, menyelenggara sistem enjin, sistem pelinciran, sistem penyejukan enjin, sistem *intake* dan ekzos, sistem bahan api, sistem transmisi dan *powertrain*, sistem gandar dan roda, sistem suspensi, sistem brek, sistem stereng, sistem hidraulik, sistem pneumatik, sistem elektrikalelektronik, sistem pendingin udara dan sistem treler.

#### Juruteknik Penyelenggaraan Kenderaan Komersil berkebolehan untuk:

1. menjalankan *top, front end, rear end* dan *bottom overhaul*;
2. menggantikan pemasangan enjin depan dan belakang serta gelang omboh dan *liners*;
3. melakukan penyelenggaraan berkala sistem pelinciran;
4. menggantikan tolok tekanan minyak;
5. membaikpulih pemasangan pam minyak;
6. menggantikan *fan assembly, belts, water pump assembly, radiator hoses* dan *core plug*;
7. menggantikan pemasangan radiator;
8. membaikpulih *engine air intake system* dan *wet type air cleaner*;
9. menggantikan pemasangan *air filters, air cleaner snorkel/air intake duct, exhaust pipe* dan *intercooler*;
10. membaikpulih *fuel lines, tank* dan *fuel filter*;
11. membaiki *fuel feed pump, fuel injectors* dan *fuel injection pump*;
12. membaiki rangkaian sistem kotak gear manual dan transmisi automotik;
13. membaiki sistem klac, *propeller shaft assembly* dan *propeller transfer box/case*;
14. melaksanakan penyelenggaraan berkala gandar depan dan belakang;
15. menggantikan *half shaft assembly* dan *front axle king pin*;

16. membaiki *hub* dan *front axle knuckle assembly*;
17. menggantikan *leaf spring assembly, suspension rubber stopper, coil spring assembly, torsion bar assembly* dan *stabilizer bar/anti roll bar assembly*;
18. melaksanakan penyelenggaraan sistem brek berkala;
19. memeriksa dan membaiki cakera brek, brek drum, *brake shoe, brake cylinder actuator, brake servo booster assembly, wheel cylinder assembly* dan *parking brake system*;
20. memeriksa pemasangan pemampat udara;
21. melakukan penyelenggaraan sistem stereng berkala;
22. menggantikan cecair stereng dan penapis, *bearing, bush* dan *universal joint of steering column assembly* dan *steering ball joints*;
23. menjalankan *wheel alignment setting/adjustments (toe-in/toe-out)*;
24. membaikpulihan kotak stereng manual;
25. menjalankan *steering geometry setting for castor, camber* dan *king pin inclination*;
26. membersihkan/menggantikan *hydraulic filter/strainer, hydraulic lines* dan *tan*;
27. membaiki silinder hidraulik dan silinder pneumatik;
28. membaiki garis pneumatik dan tangki;
29. membaiki pemasangan pemampat udara;
30. memeriksa *clutch booster/servo assembly*;
31. memeriksa keadaan bateri, *pre-hearing device*, instrumen dan penunjuk elektrik, *starting system*, sistem mengecas dan sistem lampu;
32. melaraskan penjajaran lampu depan;
33. membaikpulihan *starter motor* dan *alternator*;
34. membaiki penapis kondenser penghawa dingin;
35. menggantikan *air condition compressor drive belts, compressor oil* dan *air compressor pulley*;
36. membaiki pemasangan *turn table* dan *towing eye/towing hooks*;
37. menggantikan kaki treler; dan
38. mematuhi peraturan keselamatan bengkel.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **KENDERAAN KOMERSIL (KENDERAAN KOMERSIL BERAT – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 2**

#### **JURUTEKNIK KENDERAAN KOMERSIL\***

Juruteknik Kenderaan Komersil adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan amalan dan prosedur keselamatan, melaksanakan amalan bengkel, menyelenggara sistem enjin, sistem pelinciran, sistem penyejukan enjin, sistem *intake* dan ekzos, sistem bahan api, sistem transmisi dan *powertrain*, sistem gandar dan roda, sistem suspensi, sistem brek, sistem stereng, sistem hidraulik, sistem pneumatik, sistem elektrik/elektronik, sistem pendingin udara dan sistem treler, melaksanakan pemeriksaan dan ujian kenderaan serta menyediakan dokumentasi bengkel.

#### **Juruteknik Kenderaan Komersil berkebolehan untuk:**

1. membaiki masalah kegagalan/kesilapan enjin;
2. menjalankan baik pulih enjin yang lengkap;
3. mendiagnosis sistem pengecas turbo;
4. membaikpulihan pemasangan pengecas turbo;
5. membaiki masalah sistem bahan api;
6. membaikpulihan kotak gear manual;
7. membaiki pemasangan *powers take off*;
8. membaiki transmisi automotik;
9. membaiki *torque converter assembly*;
10. membaiki pam minyak transmisi;
11. membaiki badan injap transmisi automotik;
12. membaik pulih transmisi automotik;
13. memeriksa gandar depan untuk *twist & bend*;
14. membaiki *front axle cracker point* dan *planetary gear nut assembly*;

15. membaikpulihan unit *differential*;
16. membaiki *air suspension levelling valve*;
17. menggantikan *suspension air bellows*;
18. membaiki masalah sistem brek;
19. memeriksa injap brek angin;
20. membaiki *brake retarder assembly*;
21. memeriksa *Anti-Lock Brake System (ABS)*;
22. membaiki masalah sistem stereng kuasa;
23. membaikpulihan kotak stereng kuasa;
24. membaiki masalah sistem hidraulik;
25. membaiki masalah sistem pneumatik;
26. membaiki injap kawalan pneumatik;
27. memeriksa dan menggantikan semua geganti/sensor elektrikalelektronik;
28. membaiki masalah sistem penghawa dingin;
29. menjalankan pemeriksaan statik kenderaan dan casis;
30. menjalankan ujian asap dan brek;
31. menyediakan kenderaan untuk pemeriksaan pihak berkuasa; dan
32. melaksanakan dan mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **KENDERAAN KOMERSIL (KENDERAAN KOMERSIL BERAT – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 3**

#### **JURUTEKNIK KANAN KENDERAAN KOMERSIL\***

Juruteknik Kanan Kenderaan Komersil adalah orang yang ditugaskan untuk melaksanakan amalan dan prosedur keselamatan, melaksanakan amalan bengkel, menyelenggara sistem enjin, sistem pelinciran, sistem penyejukan enjin, sistem *intake* dan ekzos, sistem bahan api, sistem transmisi dan *powertrain*, sistem gandar dan roda, sistem suspensi, sistem brek, sistem stereng, sistem hidraulik, sistem pneumatik, sistem elektrikalelektronik, sistem pendingin udara dan sistem treler, melaksanakan pemeriksaan dan ujian kenderaan serta menyediakan dokumentasi bengkel.

#### **Juruteknik Kanan Kenderaan Komersil berkebolehan untuk:**

1. menyedia dan mengemukakan laporan kemalangan kepada pihak atasan;
2. menjalankan audit keselamatan;
3. membaikpulih pemasangan pam suntikan bahan api;
4. membaikpulih *transfer box/case*;
5. membaiki *Anti-Lock Brake System (ABS)*;
6. menjalankan ujian memandu kenderaan;
7. menyediakan laporan pemeriksaan dan ujian;
8. menganggarkan kos pembaikan;
9. menjalankan kerja-kerja pembaikan;
10. memuktamadkan laporan teknikal;
11. menjalankan fungsi penyeliaan; dan
12. mematuhi peraturan keselamatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **KENDERAAN KOMERSIL (KENDERAAN KOMERSIL BERAT – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 3**

#### **PENASIHAT SERVIS KENDERAAN KOMERSIL\***

Penasihat Servis Kenderaan Komersil adalah orang yang ditugaskan untuk bekerja di pusat jualan kenderaan berat komersial dan pusat servis kenderaan. Tugasnya adalah untuk menjelaskan kepada pemilik tentang jenis penyelenggaraan yang mungkin perlu dan memberikan beberapa maklumat tentang harga kerja penyelenggaraan.

#### **Penasihat Servis Kenderaan Komersil berkebolehan untuk:**

1. menentukan masalah kenderaan dengan mendengar penjelasan pelanggan;
2. menjelaskan perihal masalah kenderaan;
3. menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan;
4. memandu uji kenderaan;
5. memeriksa rekod penyelenggaraan kenderaan;
6. memeriksa jadual servis;
7. menyediakan *Repair Order* (RO) yang menerangkan gejala, masalah serta pembaikan dan perkhidmatan yang diperlukan;
8. menentukan anggaran kos bahan dan upah; mengira harga yang perlu dibayar oleh pelanggan, termasuk potongan;
9. mengesahkan jaminan dan liputan kontrak perkhidmatan serta menjelaskan peruntukan dan pengecualian;
10. mengendalikan pertanyaan pelanggan; dan
11. menawarkan pelanggan produk dan perkhidmatan.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal





## **KENDERAAN KOMERSIL (KENDERAAN KOMERSIL BERAT – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 4**

#### **EKSEKUTIF SELEPAS JUALAN KENDERAAN KOMERSIL\***

Eksekutif Selepas Jualan Kenderaan Komersil adalah orang yang ditugaskan untuk memberi nasihat dan perkhidmatan kepada pelanggan selepas mereka membeli kenderaan, melaksanakan peraturan-peraturan perdagangan kenderaan, membangunkan piawaian kualiti produk, melaksanakan proses kawalan kualiti, mentadbir dasar organisasi dan prosedur bengkel, membangunkan semangat kerja berpasukan, menilai prestasi kakitangan, menyelesaikan masalah teknikal dan bukan teknikal serta menguruskan kemudahan dan peralatan.

#### **Eksekutif Selepas Jualan Kenderaan Komersil berkebolehan untuk:**

1. mencapai sasaran jualan komponen kenderaan, bengkel dan aksesori;
2. beroperasi di dalam garis panduan bajet;
3. menjalankan perancangan, bajet dan pelaksanaan pemasaran;
4. menyediakan carta/matriks kemahiran tenaga kerja;
5. memastikan latihan kakitangan teknikal adalah mengikut standard;
6. memantau jabatan bengkel dan komponen;
7. memikul tanggungjawab bagi semua proses dalam jabatan;
8. memikul tanggungjawab bagi stok komponen dan aksesori;
9. menilai semua kemalangan kenderaan dengan juruteknik;
10. merancang acara dan kempen pemasaran;
11. membantu ahli pasukan dalam mencapai matlamat mereka;
12. mematuhi peraturan jabatan bomba;
13. mematuhi peraturan jabatan jentera;
14. mematuhi peraturan Jabatan Alam Sekitar (JAS);
15. mengeluarkan buletin perkhidmatan;

16. memastikan jabatan selepas jualan mencapai tahap kepuasan pelanggan yang tinggi;
17. mengendalikan dan menguruskan aduan pelanggan;
18. mengkaji jualan bulanan dan prestasi keuntungan;
19. memastikan jabatan selepas jualan mencapai sasaran;
20. mematuhi peraturan-peraturan *Road Traffic Ordinance* (RTO), *Occupational Safety and Health Act* (OSHA), pengiklanan (papan tanda) dan penyimpanan bahan mudah terbakar;
21. mengaudit standard kualiti bengkel dan perkhidmatan;
22. menjalankan analisis kegagalan produk;
23. melaksanakan prosedur keselamatan dan kod kelakuan serta mengendalikan perkara-perkara mengenai disiplin dan cuti;
24. menguruskan mesyuarat jabatan;
25. menjalankan penilaian prestasi dan kaunseling kakitangan;
26. mengumpul maklumat teknikal dan bukan teknikal serta keperluan latihan;
27. mencadangkan kemudahan dan peralatan untuk bengkel; dan
28. menyediakan jadual penyelenggaraan pencegahan untuk peralatan bengkel.

Nota:

\*Jawatan Kerja Kritikal



## **KENDERAAN KOMERSIL (KENDERAAN KOMERSIL BERAT – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 5**

#### **PENGURUS SELEPAS JUALAN KENDERAAN KOMERSIL\***

Pengurus Selepas Jualan Kenderaan Komersil adalah orang yang ditugaskan untuk mengurus operasi bengkel kenderaan komersil, mengurus pematuhan peraturan perdagangan kenderaan, mengurus piawaian kualiti produk, mengurus proses kawalan kualiti, mentadbir dasar dan prosedur organisasi, mengurus masalah teknikal dan bukan teknikal serta mengurus kemudahan dan peralatan.

#### **Pengurus Selepas Jualan Kenderaan Komersil berkebolehan untuk:**

1. merancang acara dan kempen pemasaran;
2. mengurus ahli pasukan dalam mencapai matlamat mereka;
3. matuhi peraturan jabatan bomba;
4. mengurus sasaran jualan komponen kenderaan, bengkel dan aksesori;
5. menyediakan perancangan, bajet dan pelaksanaan pemasaran;
6. mengurus bengkel dan jabatan komponen;
7. menguruskan semua proses dalam jabatan;
8. mengurus stok komponen dan aksesori;
9. mengurus jabatan selepas jualan dalam mencapai tahap kepuasan pelanggan;
10. membina hubungan yang kukuh dengan pelanggan luaran dan mendapatkan bisnes jangka panjang;
11. mengurus maklum balas pelanggan;
12. mengkaji jualan bulanan dan prestasi keuntungan;
13. mengurus standard kualiti bengkel dan perkhidmatan;
14. merancang aktiviti pembangunan perniagaan;
15. mengurus prosedur keselamatan dan kod tatatertib; dan

16. menyediakan kemudahan dan peralatan untuk bengkel.

Nota:

Jawatan Kerja Kritikal



## **TAYAR (KENDERAAN KOMERSIL BERAT – SELEPAS JUALAN)**

### **TAHAP 3**

#### **JURUTEKNIK SERVIS TAYAR KENDERAAN KOMERSIL BERAT\***

Juruteknik Servis Tayar Kenderaan Komersil Berat adalah orang yang ditugaskan untuk memasang, mengimbang, membaiki dan menukar kedudukan tayar untuk kenderaan komersial seperti lori, bas dan trak. Juruteknik Servis Tayar Kenderaan Komersil Berat juga memasang *studs* pada tayar, membaiki tayar *run-flat*, melakukan *retreading* atau melakukan kerja khusus yang lain pada tayar. Juruteknik tayar, atau pembaik tayar, mengenalpasti dan mengembung tayar yang betul untuk saiz yang betul. Juruteknik Servis Tayar Kenderaan Komersil Berat juga memasang semula roda pada kenderaan, menaikkan kenderaan yang menggunakan bicu hidraulik, mencari kebocoran pada tayar tanpa tiub dan memasang semula tayar ke roda.

#### **Juruteknik Servis Tayar Kenderaan Komersil Berat berkebolehan untuk:**

1. menukar tayar kenderaan komersial jenis tiub dan tanpa tiub;
2. memeriksa keadaan tayar dan rim;
3. membaiki tiub yang bocor;
4. menggantikan *brake pad*, *disc* dan *shoe*;
5. mengukur penjajaran roda;
6. melaraskan *rear wheel camber* dan *toe angle*;
7. *skim* cakera brek;
8. melaraskan (4X2) *front axle wheel alignment angle*;
9. melaraskan (6X4) *front axle wheel alignment angle*;
10. melaraskan (6X4) *total wheel alignment angle*;
11. melaraskan *tandem axle scrub angle* pada *semi-trailer*;
12. menjalankan *propeller feathering pump change*;

13. menguji getaran kenderaan;
14. menguji kuasa penarikan kenderaan;
